



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
NORHAIZA BIN NOORDIN  
TOKOH ADIGURU NEGARA 2011  
MENGENAI SENI UKIRAN KAYU MELAYU**

**AMIRA FAZIRA BINTI SHAIFUDDIN  
(2018285884)**

**NUR FARISHA BINTI YAHYA  
(2018276666)**

**SEMESTER OKTOBER 2020 - FEBRUARI 2021**



*Gambar menunjukkan Encik Norhaiza bin Noordin*

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
NORHAIZA BIN NOORDIN  
TOKOH ADIGURU NEGARA 2011  
MENGENAI SENI UKIRAN KAYU MELAYU**

**AMIRA FAZIRA BINTI SHAIFUDDIN  
(2018285884)**

**NUR FARISHA BINTI YAHYA  
(2018276666)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021**

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>Abstrak</b>	5
<b>Penghargaan</b>	7
<b>Singkatan Nama</b>	8
<b>Singkatan Abreviasi</b>	8
<b>Rujukan Kata</b>	9
<b>Biografi Penemubual</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Biografi Penemubual Pertama</li><li>• Biografi Penemubual Kedua</li></ul>	10
<b>Biografi Tokoh</b>	12
<b>Pengenalan</b>	13
<b>Kajian Literatur</b>	15
<b>Transkrip Temubual</b>	19
<b>Ralat</b>	61
<b>Log Temubual</b>	62
<b>Ringkasan</b>	70
<b>Kesimpulan</b>	72
<b>Diari Penyelidikan</b>	73
<b>Glosari</b>	77
<b>Indeks</b>	78
<b>Proposal</b>	79
<b>Rujukan</b>	95
<b>Lampiran</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Surat Kebenaran</li><li>• Surat Perjanjian</li><li>• Senarai Soalan Temubual</li><li>• Gambar</li><li>• CD</li></ul>	96

## ABSTRAK

*Transkrip ini adalah mengenai temubual sejarah lisan bersama tokoh Adiguru Kraf Ukiran Halus iaitu Encik Norhaiza bin Noordin. Temubual ini telah dijalankan pada 18 Disember 2020 pada 3.30 petang selama 2 jam 15 minit melalui aplikasi Google Meet. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui penglibatan tokoh dalam industri seni ukiran kayu Melayu. serta mengetahui tentang asas-asas atau elemen penting dalam seni ukiran kayu. Teknik pengukiran yang betul akan menghasilkan ukiran yang kemas dan berkualiti. Faktor lain seperti pemilihan kayu dan nilai komersial juga memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan semasa. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengupas dengan lebih lanjut mengenai perbezaan antara seni Ukiran Melayu Tradisi dan seni Ukiran Melayu Kontemporari serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengukir pada masa kini dalam menghasilkan karya yang melambangkan identiti mereka sendiri. Pada akhir temubual, tokoh juga memberikan pandangan serta harapan supaya lebih ramai golongan muda menceburi dan menguasai bidang seni ukir ini agar seni warisan ini tidak lenyap ditelan arus pemodenan kini dan terkubur begitu sahaja.*

**Kata Kunci:** Norhaiza Noordin, Seni ukiran, Ukiran Melayu, Identiti, Seni dan Kraf

## ABSTRACT

*This transcript is about an oral history interview with the Malay Master Woodcraft, Mr. Norhaiza bin Noordin. This interview was conducted on 18 December 2020 at 3.30 pm for 2 hours 15 minutes through the Google Meet application. This study was conducted to investigate the involvement of figure in industry of Malay wood carvings as well as knowing about the basics or the important elements in the art of wood carving. Proper carving techniques will produce neat and high quality of carving. Other factors such as wood selection and commercial value also play an important role in fulfilling current demand. In addition, this study was conducted to explore more about the difference between Malay Traditional Carving Art and Malay Contemporary Carving Art and the challenges faced by the craftsmen nowadays in producing arts represented their own identity. In fact, at the end of the interview, he also gave views and hoped for more young people to venture into and master this field of carving so this heritage art does not disappear swallowed by the current modernization and buried just like that.*

**Keywords:** Norhaiza Noordin, Wood carving, Malay carve, Identity, Art and Craft

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kami berjaya menyiapkan tugasan yang diberikan bagi subjek Sejarah Lisan (IMR 604) ini. Pertamanya, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat tokoh kami, Encik Norhaiza Nordin yang sudi meluangkan masa bersama kami dalam menjayakan temubual ini. Kami berasa sangat bertuah kerana berpeluang untuk menemubual seorang tokoh Adiguru Negara dalam bidang Kraf Ukiran Halus. Tokoh telah banyak menyumbang bakti dan jasa dalam menghidupkan semula warisan kraf ukiran kayu dalam kalangan masyarakat. Malahan, keperibadiannya yang tidak pernah jemu menurunkan ilmu serta kemahiran dalam bidang ini wajar dicontohi terutamanya generasi muda pada masa kini.

Meskipun terdapat kekangan dalam mengadakan temubual secara bersemuka dalam tempoh pandemik ini, namun, beliau tidak lekok dalam menceritakan pengalaman beliau mencebur i bidang pengukiran kayu ini melalui penggunaan *Google Meet*.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami, Sir Jafalizan Md Jali kerana sudi memberikan tunjuk ajar serta bimbingan sepenuhnya kepada kami dalam menyempurnakan tugasan temubual ini. Segala tunjuk ajar, pandangan yang membina serta perundingan yang dibuat bersama telah banyak membantu kami dalam menghasilkan sebuah transkrip yang berkualiti untuk dijadikan sebagai panduan kepada penyelidikan seni ukiran pada masa akan datang.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini, terutamanya rakan sekelas kami yang banyak memberikan ulasan yang membina serta tunjuk ajar tanpa mengira waktu.

### SINGKATAN NAMA

SINGKATAN	NAMA PENUH
AFS	Amira Fazira binti Shaifuddin
NFY	Nur Farisha binti Yahya
NHN	Norhaiza bin Noordin

### SINGKATAN ABREVIASI

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
CEO	Chief Executive Officer
IKN	Institut Kraf Negara
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PENGUKIR	Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
TTITC	Terengganu Timber Industry Training Center
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UiTM	Universiti Teknologi MARA
YPU	Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu

### RUJUKAN KATA

Decision	Keputusan		Payoh	Susah
Detect	Kesan		Part	Bahagian
Design	Reka bentuk		Pikir	Fikir
Extreme	Melampau		Present	Menyampaikan
Exposed	Terdedah		Protect	Melindungi
Famous	Terkenal		Porah	Tidak kemas
Feeling	Perasaan		Research	Kajian
Finishing	Pengakhiran		Signature	Tandatangan
Fireplace	Pendiangan		Simple	Mudah
Glasshouse	Rumah kaca		So	Jadi
Gitu	Begitu		Study	Belajar
Jare	Jarang		Tepek	Tampal
Kecek	Bercakap		Tone color	Tona warna
Kinyok	Mati		Toksoh	Tak perlu
Koho	Semakin		Tubik	Keluar
Loni	Sekarang		Value	Nilai
Male	Malam		Volume	Jumlah
Masaloh	Masalah		Waye cino	Wayang cina
Mirror	Cermin		Website	Laman sesawang
Ngarut ngabe	Mengarut			
Ore	Orang			
Outdoor	Luar rumah			

## BIOGRAFI PENEMUBUAL

### BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama : Amira Fazira Binti Shaifuddin

Alamat : Padang Setengga, Hulu Terengganu, 21700 Kuala Berang,  
Terengganu

Program : IM246 – Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan  
Rekod

E-mel : amirafazira98@gmail.com

**BIODATA PENEMUBUAL KEDUA**



Nama : Nur Farisha Binti Yahya

Alamat : Kg Mak Chili Paya, Chukai

24000, Kemaman, Terengganu

Program : IM246 – Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod

E-mel : farishayy@gmail.com

## BIOGRAFI TOKOH



Nama : Norhaiza Bin Noordin

Tarikh lahir : 20 Februari 1963

Tempat lahir : Kampung Raja, Besut, Terengganu

Alamat : Kg Raja, 22200 Besut, Terengganu

Profession : Adiguru Seni Ukiran Kayu Malaysia

Bidang : Warisan Seni Ukir Kayu

## PENGENALAN

Menurut (Syed Ahmal Jamal, 1992), seni ukiran adalah satu cabang seni yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan orang Melayu sejak berzaman lagi. Penguasaan ilmu yang mendalam mampu mendorong kepada penerapan ukiran pada perabot, rumah dan peralatan dapur seperti sudip, pengukur kelapa dan acuan kuih. Seiring dengan arus pemodenan, seni ukiran kayu juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan masa kini. Hal ini dapat dilihat apabila wujudnya seni Ukiran Kayu Melayu Kontemporari yang mengetengahkan motif-motif semasa yang turut mempunyai nilai estetiknya tersendiri tanpa meninggalkan asas asas tradisi seni ukiran.

Secara amnya, sudah ramai penggiat kraf ukiran kayu yang mula menenpa nama dalam bidang pengukiran kayu ini. Berdasarkan (Nuasa Ukiran Melayu, 2013), antara penggiat kraf ukiran yang terkenal dengan kemahiran ukiran kayu termasuklah Wan Mustafa bin Wan Su atau lebih dikenali sebagai Wan Po, Haji Abdul Latif bin Long, Norhaiza bin Noordin, Nik Rashiddin bin Nik Hussein, Abd Muhammin bin Hasbollah dan ramai lagi. Namun begitu, ramai antara kita yang kurang mengenali penggiat-penggiat seni ukiran ini yang telah banyak menghasilkan karya yang mempunyai nilai yang tinggi.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya menghargai usaha penggiat seni dalam mengekalkan warisan seni ukiran kayu ini supaya tidak luput dan dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang. Insan-insan seni ini wajr diberikan penghargaan semasa mereka masih hidup lagi dan bukannya setelah mereka tiada. Sebagaimana yang diperkatakan oleh (Norhaiza Noodin, 2020), seni ukiran ini merupakan jati diri atau identiti sesebuah bangsa. Maka, adalah tanggungjawab kita untuk menjaga identiti bangsa kita agar ia tidak dilupakan dan diperlekehkan oleh bangsa lain.

Kajian sejarah lisan merupakan salah satu mata pelajaran wajib bagi pelajar semester 5 dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat. Kajian sejarah lisan ini merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat melalui temubual di mana, sesi temubual akan dirakam menggunakan rakaman video. Segala maklumat yang diperoleh akan dipindahkan ke dalam bentuk bahan bercetak. Dalam kajian ini, seorang tokoh telah dipilih setelah memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan. Pemilihan tokoh ini telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang dijangkakan seperti asas seni ukiran, perbezaan seni Ukiran Kayu Melayu Tradisional dan seni Ukiran Kayu Melayu Kontemporari, cabaran dalam bidang seri ukiran kayu serta pandangan beliau terhadap perubahan nilai estetika ukiran kayu pada masa kini.

Tambahan pula, tokoh yang dipilih merupakan seorang Adiguru Negara dalam bidang Kraf Ukiran Halus. Menurut laman portal Pengiktirafan Tokoh, Adiguru Kraf merujuk kepada individu yang diberi pengiktirafan dan penghormatan oleh Kerajaan Malaysia sebagai seorang *master craftmen* setelah mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam seni kemahiran penciptaan, ketukangan, pengubahan dan pengeluaran produk warisan bangsa Malaysia. Seorang Adiguru memainkan peranan penting dalam mengembangtenaga bersama pihak kerajaan dalam memelihara dan memulihara seni kraf warisan.

Tujuan utama subjek ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknik-teknik untuk menjalankan temubual bersama tokoh. Teknik ini merangkumi aspek teknikal seperti persiapan sebelum, semasa dan selepas sesi temubual dijalankan, soalan-soalan yang harus diketengahkan, *do and don'ts* semasa temubual dan cara transkripsi teks dibuat.

Di samping itu, melalui subjek sejarah lisan juga, pelajar berpeluang untuk meningkatkan keyakinan diri mereka dalam mengendalikan sesi temubual bersama tokoh yang berpengalaman.

## KAJIAN LITERATUR

### Definisi Seni Ukiran Kayu

Menurut (Kamus Dewan, 1989), pengertian seni boleh didefinisikan kepada dua makna iaitu dari segi bahasa, seni bermaksud halus, nipis dan elok. Manakala dalam bentuk karya seperti muzik dan lukisan, seni membawa makna kepada kemahiran atau kepandaian seseorang individu dalam mencipta sesuatu yang luar biasa. Oleh itu, kesenian ini merupakan aktiviti yang berhubung kait dengan kehalusan, seni, keindahan, nilai yang berguna serta bermanfaat kepada manusia.

Seni Ukiran kayu pula adalah salah satu bidang seni Islam yang terkenal sejak dahulu lagi. Kehalusannya menunjukkan betapa halus dan tingginya kemahiran seseorang pengukir itu dalam mencorakkan motif dan corak di papan kayu. Berdasarkan (Norhaiza Noordin, 2009), ekspresi yang ditonjolkan melalui karya ukiran itu menunjukkan watak serta budaya masyarakat Melayu. Hal ini dapat di perjelaskan lagi apabila seni ukiran yang diterapkan pada ukiran sebenarnya melambangkan jati diri masyarakat Melayu.

Seni ukiran kayu adalah proses sekeping kayu rata diukir menggunakan motif-motif tertentu sehingga menampakkan sebuah ilusi bentuk tiga dimensi. Proses ukirannya bermula dengan reka bentuk daripada imaginasi si pengukir sendiri. Reka bentuk dipadankan dengan sebuah kayu sebelum dibentangkan pada kertas surih. Setelah dipindahkan ke kayu, reka bentuk diminimumkan mengikut kesesuaian saiz kayu. Hal yang demikian kerana pengukir perlu menentukan setiap potongan seperti kedalaman potongan supaya ia menghasilkan corak dan motif yang diinginkan. Dengan menggunakan pelbagai alat dan teknik, pengukir berjaya membawa reka bentuk kehidupan (Fortuna, 2019).

Meskipun seni ukiran kayu ini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu, namun kerana sifat fizikal kayu itu sendiri yang tidak mampu bertahan lama menyebabkan tinggalan seni ukiran kayu yang lama jarang ditemui. Namun begitu, ianya tidaklah mustahil kerana terbukti lah ukiran pada hulu keris, masjid dan istana lama boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengukir-pengukir dalam mempelajari seni ukiran kayu tradisional. Hal ini telah membuktikan bahawa untuk menghasilkan sesbuah ukiran tradisional, nilai-nilai tradisi daripada aspek visual dan *non-visual* memainkan peranan penting kerana ia tidak bergantung kepada bahan maupun teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya tersebut.

Selain itu, seni ukiran kayu juga merupakan pentas untuk para pengukir mengekspresikan nilai-nilai dan keperibadian mereka dalam karya mereka. Hal ini dapat dilihat melalui aspek kontemporer atau maksud tersirat di sebalik motif ukiran yang dihasilkan oleh pengukir. Menurut Abdullah Muhammad (Nakula) yang telah menterjemahkan maksud di sebalik ukiran-ukiran kayu itu kepada bahasa-bahasa indah yang boleh digambarkan oleh masyarakat sekarang. Beliau menggunakan latar belakang sosio budaya masyarakat sebagai panduan untuk menyampaikan ekspresi seni ukiran kayu tradisional itu dalam bentuk bahasa yang lebih indah dan mudah. (Izani Mat)

### **Seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan**

Tokoh merupakan nadi dalam menggerakkan dan mengembangkan aktiviti pengukiran dalam kalangan masyarakat. Malah, tokoh jugalah yang memberikan sokongan kepada penggiat seni yang menceburkan diri dalam seni pengukiran ini agar tidak berputus asa dalam menghasilkan ukiran kayu yang berkualiti, kemas dan cantik. Ini adalah seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan di Malaysia.

Mengikut (Norhaiza Nordin, 2009), keindahan ukiran bergantung kepada olahan, gaya dan teknik mengukir sesebuah karya itu. Teknik ukiran memerlukan ketajaman minda untuk mengolah dan membuat penyusunan motif yang menarik disamping mempunyai kemahiran dan kebolehan tangan untuk memahat dan menyobek kayu menjadi ukiran.”

Selain itu, menyatakan (Abdul Halim Nasir, 1987) bahawa kesenian ukiran diibaratkan sebagai bukti kepada kegemilangan kraf tangan apabila ia diangkat sebagai simbol kepada sesebuah pemerintahan. Hal ini dapat dilihat apabila status raja pemerintahan itu bergantung kepada penerapan seni di istananya. Semakin kurang seni ukiran di istana, maka ia dianggap sebagai tidak bersedia untuk memikul gelaran raja dengan sempurna. Malahan, statusnya juga dianggap lebih rendah daripada raja yang mempunyai istana dengan seni ukir yang lebih gah.

Disamping itu, merujuk kepada coretan (M. Quraish Shihab, 1996), seni adalah satu keindahan alam di mana ia mengekspresikan sisi terdalam manusia yang didorong dengan keindahan anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya.

### **Cabaran dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu**

Memetik dari akhbar Metro *online*, (Ruwaida Baharudin, 2018) mengatakan bahawa permintaan kepada perabot yang berukiran Melayu semakin kurang menggalakkan malah hanya meningkat pada musim tertentu sahaja.

Bukan itu sahaja, ada segelintir masyarakat beranggapan bahawa hasil perabot atau produk yang berasaskan ukiran kayu ini hanyalah untuk cita rasa orang lama sahaja. Dengan kemudahan perabot pasang siap atau dikenali sebagai *Do-It-Yourself (DIY)* menjadikan permintaan perabot berukir ini semakin merosot.

Malahan, menurut coretan akhbar (Azizul Ahmad, 2018) dalam *freemalaysiatoday.com*, kekurangan tenaga kerja dalam mengukir ini menyebabkan pengeluaran kraf kayunya agak terhad. Hal yang demikian kerana, pengukir itu akan mengambil tempoh yang agak lama untuk menyiapkan ukiran yang ditempah disebabkan olehkekangan pengukir-pengukir muda yang mempunyai kemahiran mengukir yang sama dengannya.

### **Langkah-langkah dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu**

Rentetan daripada itu, menurut (Ruwaida Baharudin, 2018) beliau memilih untuk menggunakan kayu jelutong sebagai kayu panelnya kerana kosnya yang murah berbanding kayu berkualiti yang lain seperti kayu Cengal, Merbau dan Jati agar semua golongan dapat memiliki hasil karya ukiran Melayu ini.

Malahan juga, mengatakan (Azizul Ahmad, 2018) berharap agar lebih ramai yang menceburii bidang ini kerana pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai memperuntukkan serta sumbangan seperti menyediakan bengkel, mesin serta kursus kepada semua individu yang ingin melibatkan diri secara serius dalam bidang ini.

## **Motif Seni Ukiran Kayu Melayu**

Pada peringkat awal kedatangan seni ukiran kayu di Malaysia, ukiran kayu tradisional hanya mempunyai tiga motif atau tiga bentuk ukiran iaitu Motif Melayu Langkasuka atau dikenali sebagai kelopak dewa. Motif kedua adalah bunga Melayu lama atau nama lainnya kelopak maya serta motif ketiga adalah berdaun hidup orang Melayu ataupun kelopak hidup(Hussin, Baba, Hassan, Mohamed, 2012). Ketiga-tiga motif tersebut merupakan motif ukiran tradisional yang terawal dalam dunia seni ukir iaitu seni Ukiran Kayu Melayu yang mempunyai falsafah tersendiri, sesuai dengan era di mana mereka dahulu dicipta.

Tambahan pula, kefahaman mengenai falsafah dan motif dalam seni Ukiran Kayu Melayu juga memainkan peranan penting kerana ia dijadikan sebagai panduan penganalisaan hasil seni ukiran kayu Melayu sehingga kini. Malahan, seni ukiran kayu ini tidak sama dengan seni ukiran batu, tanah, perak, tembaga mahupun emas. Hal yang demikian kerana seni ukiran kayu ini mempunyai motif yang lebih kompleks, malah seni ukiran juga berbeza dengan seni pahatan. Aktiviti pengukiran memerlukan peralatan yang banyak supaya dapat merangkumi pelbagai jenis bentuk serta ukirannya. Menurut Affandi (1976) dalam bukunya ‘Sejarah Seni Rupa Indonesia’, seni Ukiran Kayu Melayu termasuk di bawah kategori seni pahat, tetapi tidak semua hasil pahatan termasuk dibawah seni ukiran kayu (Daud, Arbi, dan Faisal. 2012).

## **Jenis - jenis kayu**

Beralih pula pada jenis-jenis ukiran kayu yang telah dibahagikan kepada empat bahagian, di mana setiap ukiran mempunyai nilai dan makna tersendiri. Proses mengukir kayu bermula dengan penggunaan bahan dan alatan kraf, dibantu dengan kerja tangan dalam ukiran. Bukan itu sahaja, ukiran ini boleh dibahagikan kepada ukiran dua dimensi dan tiga dimensi. Antara contoh ketara ukiran dua dimensi yang paling dekat dengan kita adalah pada hiasan dinding, pintu dan anjung. Sementara itu, ukiran tiga dimensi pula hanya dapat dilihat pada peralatan rumah, patung dan perabot seperti congkak. Keunikan seni Ukiran Melayu dapat dilihat pada elemen asas yang dikenali sebagai ‘silat’ yang menjadi ungkapan untuk liuk-lentuk terhadap motif yang dihasilkan. Terdapat empat jenis ukiran ‘silat’ yang sering digunakan oleh pengukir. Antaranya adalah Ukiran timbul tanpa silat, Ukiran timbul bersilat, Ukiran tebuk tembus tanpa silat dan Ukiran tebuk tembus bersilat (Zuliskandar, Hamdzun, Hafizah dan Salina. 2014).

**TRANSKRIP TEMUBUAL  
BERSAMA  
TOKOH ADIGURU 2011**

**NORHAIZA BIN NOORDIN**

## TRANSKRIP TEMUBUAL

**AFS:** Assalamualaikum waruhmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam Bidang Seni Kreatif Ukiran Kayu. Bersama-sama kami adalah Encik Norhaiza Bin Noordin yang merupakan seorang pengukir kayu dari Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR). Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Disember 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3.30 petang melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini di kendalikan oleh saya Amira Fazira Binti Shaifuddin dan juga Nur Farisha Binti Yahya. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

## SESI TEMUBUAL

**AFS: Encik Norhaiza, boleh encik ceritakan sedikit latar belakang encik?**

NHN: Saya - nama saya Norhaiza Bin Noordin hmm- berumur lima puluh tujuh tahun [57 tahun], berasal dari Kampung Raja, Besut, Terengganu [Malaysia]. Hmm- bersekolah di - Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud. Saya berakhir sekolah di sekolah Tengku Mahmud [ tahun 1980. Lepas itu saya tidak sambung lagi pelajaran selepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) - saya buat kerja macam biasa, cari kerja lepas sekolah. Lepas itu, pada tahun 1984 saya - mencebur dalam bidang seni Ukiran Kayu, kebetulan pengukir-pengukir yang terkenal – tinggal di sekitar Besut, iaitu Kampung Raja, Alur Lintang, di Gong Kemuntong, Jerteh, di – Pantai Air Tawar, Pengkalan Nyirih. Jadi di situlah saya mula berjinak dengan ukiran kayu pada tahun lapan puluh empat [1984] itu hmm – dan seterusnya saya ber -- saya pergi juga ke Kota Bharu [Kelantan, Malaysia] jumpa dengan Latif Long [Tokoh Adiguru Latif Bin Long] dan pengukir-pengukir di -- itulah, di - sekitar Kota Bharu, Kelantan dan juga – dan terakhir saya jumpa dengan Nik Rashidin. Jadi di situ saya berguru dengan enam orang guru iaitu Tok Wan Su -- Wan Po anaknya, Tengku Ibrahim, Latif Long adik beradik dengan Ramah Long di Pengkalan Nyirih dan Latif Long di Kota Bharu dan akhir sekali saya berguru dengan Nik Rashidin, semua dah arwah dan dari pada situ

saya belajar, banyak macam – saya boleh mengenal pasti ukiran ini tidak sama – yang saya kategorikan sebagai aliran, atau mudah kita faham sebagai mazhab [aliran] – kerana itu menjurus kepada motif-motif yang asas, sama walaupun enam orang guru saya itu berbeza kaedah pengukirannya dan lakaran, -- motif *design* [rekaan], tetapi asasnya adalah sama iaitu motif bunga, hmm- berpunca dan berakhir. Contohnya, punca biji benih, pasu, punca - rahsia, punca bunga ibu ada beberapa punca yang popular-lah [terkenal]. Lepas [selepas] itu berbentuk simetri ada kiri kanan, *mirror* [cermin] (mengerakkan tangan ke kiri dan ke kanan). Daripada situ – yang itu sama, bila saya selidik hmm enam-enam guru saya itu – asas prinsip ukuran itu sama, yang lain – cuma yang berbeza dari segi olahannya, motif-motif bunganya dan cara pengukiran itu sama sekali berbeza, tidak sama. Walhal Wan Su dengan Wan Po tu anak-beranak ya, anak dengan ayah pun ada kaedah pengukiran yang berbeza, di situ kita boleh faham cara pengukiran ini lebih kepada *individual* [individu] maknanya individu lah, individu yang – mengolah balik gaya pelakaran lukisan dan gaya pengukiran itu diolah balik. Jadi, seperti yang saya sebut tadi, yang tidak berbeza ialah motif itu ada punca, ada akhir di mana- orang melayu ni [ini] mengambil falsafah berpunca dan berakhir ini, maknayanya falsafah daripada agama juga ya. Iaitu hmm - kejadian makhluk, kejadian makhluk ini mesti ada bermula ada mula dan ada akhir. Berbeza dengan geometri yang kita lihat di negara-negara Arab atau Timur Tengah yang menggunakan -- , banyak menggunakan geometri di mana mereka lebih artis-artis atau seniman ukir di sana lebih – kepada -- falsafah yang lebih kepada kejadian Allah Taala [SWT] iaitu tidak ada akhir dan tidak ada hujung maknanya dalam – geometri tak tau [tidak tahu] di mana mula tak tau di mana akhir, cuma mengikut keratan kalau kita mau [mahu] tiga kali tiga kaki, kita potong je [sahaja] dan dia tidak akan berakhir, dia boleh sambung lagi maksudnya, tapi Kalau [kalau] Melayu ini ia akan akhir ia tak boleh sambung lagi, maknanya dia akan ada hujung dia, itu maksud perbezaan antara falsafah tadi dengan – antara orang melayu kita gunakan, bahawa melayu ini banyak- kaya dengan falsafah-falsafah tersendiri mengikut budaya ya, -- bukan orang buat falsafah ini mengikut sedap sahaja tidak, dia mengikut budaya sesuai dengan budaya dan juga agama.

**AFS: Sepanjang encik berguru dengan enam orang guru itu, apakah gelaran yang digunakan kepada encik? Adakah menggunakan nama penuh atau ada nama timangan yang encik gunakan?**

NHN: Orang panggil saya Ja lah, -- Ja tu daripada kawan-kawan daripada kita kecil lagi dia panggil Ja, selepas saya dewasa ada orang panggil Cik Ja, ada orang panggil emm - lepas saya mengukir ini ada orang panggil Ja Ukir lah. Itu nama yang – sekarang lah, Ja Ukir orang kenal lah ya. Itu sajalah panggilan yang biasa orang guna untuk panggilan saya.

**AFS: Bagaimana pula dengan hobi encik pada waktu lapang masih sama dengan waktu sekolah dulu?**

NHN: Hobi saya buat *research* [kajian] cari ukiran, melukis, semua -- berkisar kepada ukiran ya. Lukisan, buat research, melawat tempat-tempat yang mempunyai ukiran yang lam-lama, contohnya masjid lama, istana, muzium itu masa lapang saya.

**AFS: Bagaimana pula dengan latar belakang ibu bapa encik, boleh saya tahu latar belakang ibu bapa encik?**

NHN: Ibu bapa-- bapa saya seorang – orang gomen (*goverment*) bekerja dengan kerajaan, datuk saya pun pekerja gomen jugak [juga] bekas polis jadi mereka agak keberatan untuk – melepaskan saya membuat kerja sendiri ini tambah-tambah lagi ukiran ini tidak menjamin masa depan masa itu. Jadi mereka banyak membantu saya untuk – suruh isi borang itu, borang ini untuk bekerja kerajaan, di mana walaupun bergaji rendah tetapi ada pencen – itu yang diornag risau kalau buat kerja sendiri masa itu. Tapi selepas beberapa tahun dia melihat perkembangan saya dalam bidang ini mereka pun [juga] – yakin lah di mana saya boleh bawak [bawa] kerjaya saya ini maknanya ke tahap yang lebih bagus, lebih baik.

**AFS: Berapa bilangan adik beradik encik dan encik anak yang ke berapa?**

NHN: Kena bilang [kira] dulu lah [dahulu] ramai sangat dalam dua belas orang. Saya yang pertama – anak sulung – lahir di – saya ini banyak di Kampung Raja lah, kalau saya pergi mana-mana pun tak lebih dari dua minggu kalau saya keluar daripada kampung. Jadi saya boleh dikatakan banyak di Kampung Raja sendiri.

**AFS: Boleh encik nyatakan nama ibu bapa encik?**

NHN: Emm - nama bapa saya Noordin Bin Mat Tahib berasal daripada Perak, Kampung Perak di Parit Buntar [Malaysia] mm- dia berasal sana, dia mengikut bapa saudara dia yang bertugas di Kampung Raja sebagai SO [*Settlement Officer*] isi-isi pejabat tanah pada masa itu dan keluarga bapa saya agak susah- buat bendang, sawah dan bila bapa saudara dia ini ada kerja yang bagus maka dia bawaklah aa- anak-anak saudara dua tiga orang anak saudara--. Arwah mak saya – berasal daripada Kampung Raja dan berkakahwin dengan ayah pada tahun enam puluh dua [1962] dan saya dilahirkan pada tahun 1963, jadi mak saya ini yang berasal dari Kampung Raja dilahirkan di Kampung Raja bermakna diorang [mereka] asal dari Kampung Raja.

**AFS: Bagaimana pula dengan latar belakang keluarga encik sekarang?**

NHN: Saya berkahwin pada umur saya tiga puluh lapan [38 tahun], 2001 tak [tidak] ingat – 2001 gitulah [begitulah], pada umur saya tiga puluh lapan tahun dengan isteri saya Che Rohayati Binti Abdullah berasal dari Kuala Besut lebih kurang lima, enam kilometer dari Kampung Raja dan saya memperolehi anak pertama pada tahun 2001 namanya Muhammad Othman bin Norhaiza, anak kedua pada 2003 dan itu sepasang anak saya sampai sekarang, sekarang mereka dah – yang sulung dah berumur dua puluh tahun [20 tahun] dan yang kedua adiknya berumur tujuh belas tahun [17 tahun]

tengah tunggu SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tengah tunggu peperiksaan SPM ditangguh-tanggung— dan tak tahu bila boleh mula SPM. Saya tinggal di Kampung Raja, saya masih tinggal di Kampung Raja – dan bengkel kekal di Kampung Raja, masih di Kampung Raja.

**AFS: Ada tak anak-anak yang mewarisi minat yang sama dengan encik?**

NHN: Buat masa ini saya— ukiran ini tidak latih anak untuk menjadi pengukir melainkan setelah anak-anak tidak berminat dalam— akademik bisanya gitu [begitu]. Jadi ukiran ini adalah pilihan kedua.

**AFS: Bagaimana sokongan keluarga encik terhadap encik mewarisi dalam bidang ini?**

NHN: Okey, tiada masalah, orang rumah saya sendiri pun membantu saya dalam menguruskan kerja-kerja bengkel ukir. Sebenarnya orang rumah saya ini bekas pelajar di USM [Universiti Sains Malaysia] bahagian pengurusan muzium di USM. Tapi beliau tidak menyambung -- pengajian cuma separuh jalan kerana saya mintak [minta] dia balik ke Kampung Raja untuk menguruskan bengkel dan juga artifak-artifak ukir, koleksi-koleksi lama saya itu di galeri saya di Kampung Raja.

**AFS: So (jadi) encik pernah kata yang encik minat mengukir sejak di bangku sekolah, - boleh saya tahu sebelum encik minat dalam aktiviti mengukir ini apa cita-cita encik pada bangku sekolah?**

NHN: Cita-cita, semua orang cita-cita nak jadi doktor, nak jadi— kalau jadi askar pun yang tembak orang, nak jadi arkitek, nak jadi guru nak jadi cikgu takdok [tiada] sebab kita ini tak berapa itu dengan cikgu, berkelahi dengan cikgu, jadi tak minat nak jadi cikgu— seperti biasalah nak jadi macam itulah, nak jadi ukiran ini takde [tiada], tapi kita— kalau kita lihat ya, mungkin orang luar boleh lihat kita cenderung ke— dalam bidang

seni lukis– sejarah, bukan sejarah- geografi– beberapa subjek sahaja yang kita minat. Jadi nampak– orang pun nampak kita ini minat ke bidang– lebih ke bidang seni ya.

**AFS: Ada tak kawan-kawan pada waktu sekolah dulu yang turut minat dalam bidang seni ukir ini?**

NHN: Tak ada [tiada], masa sekolah tak ada, ukiran tidak pernah terlintas cuma dia seni lukis, dia mata pelajaran seni lukis, ukiran takde, kita pun tak tahu, tapi selepas pada tamat sekolah saya pergi bekerja ikut kawan-kawan mana-manalah Kuala Lumpur, Singapura masa itu, lepas itu balik saya lihat ada tempat ukiran, jadi saya suka lepak di– tempat seni itu kan, jadi boleh tengok orang mengukir dan sebagainya, jadi disitulah minat itu timbul.

**AFS: Soalan bahagian pertama nampak macam dah selesai.**

**NFY: Okey, kita sambung dengan bahagian yang kedua. Iaitu soalan mengenai – pendapat Encik Norhaiza dalam bidang Seni Pengukiran Kayu ini. Jadi soalan pertama, pada tahun berapa encik mula menceburi bidang seni ukir kayu ini secara serius?**

NHN: Mm pada tahun itulah lapan empat [1984] saya mohon bekerja dengan bengkel Wan Su di Alor Lintang lebih kurang dua kilometer dari rumah saya. Di situ saya bekerja dengan gaji masa itu tahun lapan empat [1984] gaji lima ringgit [RM 5] satu hari , tapi kita boleh makan nasi masa itu seringgit lima puluh sen itu, nasi makan sampai kenyang ada lauk sedap , ada ikan, ayam dan sebagainya dengan air, maknanya seringgit setengah itu dah boleh cover [tanggung] makan tengah hari. Mungkin kalau sekarang ini dua puluh lima ringgit [RM 25] kot, kalau di bandingkan dengan sekarang – dalam dua puluh lima ringgit [RM 25], tiga puluh ringgit [RM 30],-- kalau dinilai dengan nilai sekarang.

**NFY: Okey, seterusnya bagaimana encik mendapat ilmu dan kemahiran tentang seni ukiran kayu ini?**

NHN: Itulah, bila saya pergi ke bengkel tukang-tukang ukir ini maka di situ lah saya pandai— dia bagi kerja kita kerja buat *tracing* [mengesan] ini, buat keris – lukisan yang dilukis oleh seniman ukir itu— Wan Po atau Wan Su di atas papan atau kayu, maka dia bagi *tracing paper* [kertas tekap] maka saya tekap, dipanggil juga proses menyurih, menerap di atas menggunakan *tracing paper*— di atas kayu yang telah dilukis. Lepas itu kita mirror-kan pada sebelah- kalau dia lukis belah kanan— kita *mirror*-kan sebelah kiri. Menekaplah kita panggil, proses menerap, di situ lah saya bermula— belum mengukir lagi pada masa itu.

**NFY: Seterusnya macam mana— seperti encik katakan tadi, ada enam orang cikgu-cikgu yang mengajar, boleh encik beritahu siapa guru-guru yang mengajar encik dalam seni ukiran kayu ini?**

NHN: Itulah saya sebut juga tadi Wan Su yang pernah dapat – Anugerah Seniman Negara, lepas itu anaknya Wan Mustafa dia duduk sekali pernah dapat – Adiguru Kraf Ukiran Kayu – dengan panggilan Wan Po. Lepas itu saya belajar dengan – di Gong Kemuntong [Jerteh] lebih kurang sepuluh kilometer dari rumah saya di Kampung Raja dalam satu jalur jelah [sajalah]—saya teruskan lagi-- daripada Balai Ukir Wan Su ataupun Wan Po. Selepas itu, saya tambah lagi berapa kilometer sampai di Jerteh rumah guru saya Tengku Ibrahim Tengku Wok, juga dia pernah mendapat anugerah Tokoh Kraf Negara – beliau lebih kepada ukiran-ukiran yang - lebih kepada senjata macam hulu atau sarung senjata – erti nya ukiran yang halus macam tadi hulu keris sangat halus berbeza dengan Wan Po dan Wan Su tadi, mengukir lebih kepada ukiran *interior design* [reka bentuk dalaman] makna dia dekorasi— rumah macam pintu, atas pintu, dinding dan sebagainya yang berkanaaan dengan komponen-komponen-*architecture* [seni bina] . Lepas itu, dalam masa yang sama dengan Tengku Ibrahim saya ke Pengkalan Nyirih satu jalur ya, satu jalur Pengkalan Nyirih ke kanan daripada saya ke kanan- yang saya sebut tadi dua tadi ke kiri, jadi ke kanan dalam

empat kilometer dari rumah saya— dipanggil Pakatan Juru Ukir— juga lebih kepada dekorasi-dekorasi mereka buat istana, ukiran-ukiran untuk istana, kerusi-kerusi singgahsana dan sebagainya lah yang berkait dengan architecture hiasan-hiasan untuk architecture, dalaman hiasan dalaman. Lepas itu dalam masa yang sama juga saya pergi ke Kota Bharu, berkunjung ke rumah adik kepada Pakatan Juru Ukir ini iaitu Latif Long, Kelantan Wok Kawin. Kelantan Wok Kawin ini dia sudah lama bertapak di Kota Bharu sebenarnya— beliau berasal daripada Kampung Raja, jadi dia – pada tahun enam puluhan itu, masa muda-muda dia telah merantau ke Kota Bharu dan dia menjadi seorang pengukir terkenal di Kota Bharu dan di Malaysia. Latif Long ini adalah pelopor ukiran Melayu selepas Merdeka, dalam masa yang sama juga saya berjumpa dengan seorang guru lagi iaitu Nik Rashidin— menetap di Langgar, Kampung Langgar, Kota Bharu. Di mana kecenderunganya membuat atau mengukir hulu-hulu keris dan senjata-senjata Melayu lama— senjata-senjata Melayu tradisi, jadi saya sungguh berminat dengan beliau maka di situ saya berkawan rapat sampai kita buat research sampai ke— Patani di Selatan Thailand, sampai kepada - kita pergi sampai ke Sulawesi untuk meninjau ukiran-ukiran dan mengkaji sedikit sebanyak tentang— pengaruh bagaimana ukiran-ukiran Melayu ini di pengaruhi oleh— kerajaan-keraajan lain yang datang ke tanah Melayu dan juga bagaimana motif-motif itu ada persamaan ataupun ada kelainan--. Pada tahun —pada tahun tahun sembilan puluh sampai tahun dua ribu saya dengan Nik Rashidin ini, saya pergi sampai ke Eropah, kita buat pameran di Eropah iaitu pameran *Street Of Wood* pada dua ribu, tapi dia sudah meninggal, tapi perancangan awal itu- Nik Rashidin ini merancang awal tapi dia meninggal pada tahun 2002 -2003 saya tak ingat. Tetapi semasa usia beliau empat puluh lapan tahun. Jadi, itu antara sedikit sebanyak latar belakang guru-guru saya bagaimana saya belajar, jadi setiap guru ini tidak ada persamaan , semua berbeza, tidak ada persamaan dari segi penggayaannya, dari segi olahannya dan dari segi prinsip dan juga falsafahnya sangat berbeza walaupun mereka adik-beradik.

**NFY:Okey, berapa lama encik ambil masa untuk menguasai err seni ukiran kayu-kemahiran.**

NHN: Err penguasaan- bergantung kepada kehendak kitalah, makan masa lama- saya ini seorang yang lambat sikit nak terima - - kadang-kadang kalau saya belajar bersama dengan kawan-kawan tu, kawan-kawan dah [sudah] pandai saya belum lagi sebab saya banyak ambil - - mereka mengukir itu di tumpu kepada satu part [bahagian] – ukir. Kalau saya, saya banyak pikir [fikir] pada design, fikir pada motif-motif lama, motif-motif tua jadi – pembelajaran saya untuk memahap dalam bab teknikal itu agak lambat sikit, sebab saya banyak buat lakaran-lakaran, tiru lakaran – tiru ukiran-ukiran lama melalui lakaran- buku-buku lakaran dijana buku-buku lakaran itu sampai sekarang masih ada, yang lakaran itu bermula pada tahun 1984 itu dah ada dah, dah saya tulis tarikh sampai sekaranglah kita boleh lihat.

**NFY: Jadi apa cabaran yang ditempuh semasa mempelajari seni ukiran kayu?**

NHN: Emm saya mempelajari banyaklah- sebab bila kita belajar kita tidak ada aluan, kita terpaksa kena cari sumber lain, mintak dengan orang tua , mintak dengan- nenek duit, jadi untuk pergi belajar, jadi ramailah- pihak-pihak- macam sedara-sedara kita, kawan-kawan mintak kita ambik bidang lainlah. Dia kata kalau ambik bidang lain pun kena belajar juga, jadi – dan mungkin saya tak tahu lagi minat atau tidak minat tapi ukiran ini saya minat jadi saya tidak --. Kebanyakkan itulah, itu antara cabaran yang paling kuat, sebab kita takde [tiada] duit, masa itu kita takde duit, orang mengukur kita dengan ada duit takde duit, kalau kita ada duit mereka okeylah, tapi kerana minat sangat mendalam maka saya teruskan juga dengan dan kawan-kawan saya seramai tujuh lapan ore [orang] itu semua pergi ke bidang lain, yang kata ukir pandai pada saya dulu itu dia pergi ke bidang lain, tapi saya masih kekal, saya masih - - menunggu ataupun *stay* [tunggu] untuk- belajar lebih mendalam sebab- kita nampak seni ukir ini dia satu bahan, satu objek yang cantik, itu peringkat awal tetapi selepas kita belajar dia lebih- memberi manfaat atau lebih- - makin dalam kita belajar semakin dia memberi satu kesan, iaitu satu kesan di mana kita baru tahu bagaimana

kita boleh belajar daripada ukiran itu sendiri. Maknanya, konsep-konsep ukiran, olahan ukiran itu sendiri memberi- makna yang mendalam kepada bangsa kita- setiap ukiran di mana kita lihat ia lebih menceritakan - - kebudayaan dan juga apa yang kita buat itu melambangkan identiti bangsa itu sendiri, sebab itu ukiran Melayu ini, kalau orang China mengukir ukiran Melayu walaupun dia boleh tiru tetapi dia tidak *feel* [merasa] tidak rasa sebab- pemakanan kita, aktiviti harian kita sebagai orang Melayu member satu- - itulah yang diterapkan- dalam ukiran itu sendiri- jadi ukiran itu ia melambang- makna kalau ada orang pandai tafsir ukiran-ukiran mengikut bangsa ya, mengikut bangsa dan mengikut budaya- negara atau rumpun masing-masing, jadi kita boleh baca, kita tengok [lihat] kerana diorang ni - - kehalusan orang ni lebih tumpu kepada-, dia panggil apa ya, keserداhanaan dan sebagainya dan juga dalam ukiran itu menerapkan nilai agama juga.

**NFY: Jadi pada tahun berapa hasil pertama encik hasilkan?**

NHN: Pada tahun 1989-, tak juga saya mula pada tahun lapan puluh empat [1984], lapan puluh lima [1985], lapan puluh enam [1986]- lapan puluh tujuh [1987] itu saya dah hasilkan ukiran pertama tetapi masa itu- kita mengukir tidak menggunakan ilmulah sebab ilmu setakat itu- ilmu teknikal makna kita belajar bagaimana untuk memahat- - dan masa itu kita takde lagi ilmu- falsafah itu takde sebab ilmu falsafah itu membantu- kehalusan, keunikan ukiran itu sendiri sebab ukiran itu sebenarnya lambang ataupun identiti kepada tuan yang mengukir itu, karyawan itu sendiri dan juga kepada daerah, negeri dan- negara ataupun bangsa kita sendiri, dia melambangkan. Kalau- - buruk ukiran itu maka buruklah orang akan nilai atau orang akan gambarkan- apa dia, budaya dan juga peel [sifat] perangai, orang boleh baca kat situ, jadi kita risau kalau ada- seseorang untuk mewakili satu- negara Malaysia tetapi mengukir dengan kaedah yang tidak betul maka orang-orang luar akan menilai semua- bangsa, semua rakyat Malaysia yang beragama Islam dan berbangsa Melayu akan dapat- apa, penangan dia. Kalau [kalau] bagus, baguslah, Kalau buruk, buruklah. Maknanya mewakili, itu yang saya selalu saya sarankan kepada pengukir- pengukir baru jaga sebab ukiran ini dia melambangkan- baik mu [kamu] jangan ngukir sebab bila kita ngukir orang nampak dah- orang boleh nampak identiti, kita

boleh nampak dah peel perangai kita sebab dia melambangkan. Macam kita menulislah, kalau kita tulis buruk orang boleh baca dok [tak] kita, orang boleh baca, kalau kita tulis elok-elok orang boleh nampak kehalusan kita, orang boleh gambarkan melalui tulisan.

**NFY: Okey, seterusnya pada tahun berapa ya encik dapat gelaran Adiguru?**

NHN: Adiguru saya dapat pada tahun 2011 masa umur saya empat puluh sembilan [49 tahun].

**NFY: Jadi apakah kriteria yang dipilih untuk menjadi seorang tokoh Adiguru?**

NHN: Itu dinilai oleh pihak kakitangan Malaysia yang- kriteria-kriteria itu saya tak tahu lah dia tak bagi kita untuk lihat, jadi dia adalah kriteria-kriteria- - tapi apa yang saya nampak selalunya dia mestalah berumur empat- lima puluh [50] ke atas tapi saya dapat awal empat puluh sembilan [49] itu satu. Yang ke dua, yang saya rasalah- penglibatan kita bukan di dalam ukiran itu saja tetapi kita banyak dengan universiti ya buat *talk* [ceramah] ya dengan universiti, ada orang kerjasama dengan universiti, kita buat research ya, kita buat research, kita buat pameran, kita ada buat pameran ukiran secara *solo* [sendiri] dan buat buku. Itu- yang dinilai- bila dibanding kalau- ada calon-calon, jadi kalau kita ada *advantage* [kelebihan] macam itu cepatlah kita akan dapat. Makna ada advantage, kita buat pameran di luar negara, buat pameran di dalam negara- solo itu- itu maksudnya. Selepas itu, kita ada buat buku ya, buat buku lepas itu pelantikan daripada universiti sebagai Karyawan Tamu, sebagai- Profesor Anjung itu kemudian selepas pada itu tapi pada Karyawan Tamu mereka telah universiti telah- melantik pada tahun 2008 hingga 2009 dan setia tahun saban tahun saya selalu dijemput oleh beberapa universiti untuk mengikuti ataupun mengendalikan bengkel ataupun syarahan pada waktu-waktu tertentu.

**NFY: Jadi ada tak kenalan encik yang tutut dapat gelaran Adiguru itu?**

NHN: Baru- sorang baru dapat tahun 2019- namanya Che Muhammin daripada Temerloh, syarikat Indra Kraf yang mana beliau juga merangkap Setiausaha- Agong Persatuan Seni Ukiran Melayu Malaysia iaitu PENGUKIR- dia mendapat gelaran itu pada tahun 2019. Che Muhammin Hasbullah.

**NFY: Jadi seterusnya, sekiranya generasi muda ini dia nak menceburi bidang ini, jadi adakah encik rasa berbaloi untuk mereka -- adakah encik rasa berbaloi dengan pendapatan yang diperoleh dalam seni- bidang seni ukiran kayu ini?**

NHN: Yelah- - kita ini buat kerja sendiri, berniagakan, kita tak ada lagi- nak fikir untuk memcuburi bidang lain selain daripada ukiran sebab kita menceburi bidang ini dah hampir empat puluh tahun [40 tahun] - - saya dah tak- tidak ada kerja, contohnya pada tahun sembilan puluh tujuh [1997], lapan puluh enam [1986] setiap sepuluh tahun sekali lepas itu 2000 berapa, maknanya ada tahun-tahun yang ekonomi kita jatuh lah, mereset [merosot] di mana kerja-kerja pengukiran itu terbatas dan tidak dapat menampung pekerja dan sebagainyalah. Jadi di situ kita kena bertahan, pada masa itu saya selalunya buat kerja sendirilah, macam buat hulu keris dan sebagainya, jadi-sangat- kita rasa sangat berbesar hatilah, berbanggalah dengan apa- pencapaian dan pendapatan yang kita dapat hari ini tetapi dalam masa yang sama kita terus berusaha untuk- membesarkan- meluaskan apa nama ini- meluwaskna perniagaan ukiran kayu sendiri tapi dalam masa yang sama kita jangan melihat itu satu perniagaan sahaja tetapi untuk buat kajian, penelitian secara mendalam, kita kena buat research dan juga yang paling penting melatih ataupun mendidik generasi-generasi baru ke- alam ukiran kayu Melayu dan sekali gus mereka dapat memberi- pendapatan kepada mereka untuk menampung kehidupan mereka bila mereka lebih dewasa nanti, seperti- bila dah berumah tangga nak jaga anak dan sebagainya supaya seni ini tak dipandang rendah oleh masyarakat- nanti orang kata tak cukup makan dengan kerja ini tapi sebenarnya bukan kerja ini tak cukup makan tapi individu itu sendiri, kalau mereka malas apa bidang sekalipun kalau malas tak akan berjaya. Kalau Wak Imau kata kalau di Besut

ataupun di Kelantan kalau jual Budu sekalipun kalau pandai dengan strategi perniagaan maka Budu itu boleh dijual ke serata dunia. Jadi jangan ingat- jangan kata bidang itu yang tidak dapat menampung kehidupan kita tetapi sebenarnya kita sendiri yang membawa apa ini- perniagaan dalam bidang itu- kalau kita berjaya maka - kerana usaha kita sendiri dan juga rezeki yang diberikan Allah Taala [SWT] itu kena ingat- - walaupun- kalau kita berusaha besar kuat pun kalau tidak diberi- redha oleh Allah Taala [SWT] maka kita tak akan dapat juga berjaya dalam bidang itu sendiri, ada juga orang rajin tetapi tak dapat juga mungkin kerana strategi tak kuat dan juga kerana tak ada keredhaan ataupun berkat daripada Allah Taala [SWT].

**NFY: Jadi sepanjang Encik menceburi dalam bidang seni ukir ni. Kementerian mana yang menyokong penghasilan seni ukiran kayu Encik?**

NHN: Kementerian dia panggil MOTAC [*Ministry of Tourism, Art and Culture*]— Kebudayaan dan Pelancongan dibawah Jabatan- , dia panggil agensi, Agensi Kraftangan Malaysia yang menjaga bidang Seni Ukiran Kayu dan ada enam [6] lagi bidang-bidang seperti Songket, Tenunan Songket, Bidang Batik, Bidang Seramik, Bidang Anyaman, Bidang Ukiran dan satu lagi bidang apa- Bidang Logam. Jadi ada enam bidang yang dijaga oleh agensi Kraftangan Malaysia dan setiap tahun sebelum pendamik ini setiap tahun bulan Januari kita seluruh- usahawan dari enam bidang tadi berkumpul di- *Conlay*, Jalan *Conlay* [Kuala Lumpur] untuk membuat promosi jualan selama dua belas [12] hari, jadi di situ pihak kerajaan membantu pengusaha untuk— mempromosikan dan sekaligus menjual hasil-hasil produk mereka dalam bentuk yang—sesuai pada masa itu. Contohnya, tahun lepas kita ada buat ukiran dalam bentuk sekian-sekian tapi pada tahun ini kita tidak boleh bawak lagilah- jadi lebih kepada inovasilah semua bidang dan satu lagi agensi daripada Malaysia Timber Board (Malaysia Timber Industry Board, MTIB) maknanya, macam apa ini – Majlis Perkayuan Malaysia lebih kurang gitulah daripada Kementerian Komoditi dan Perladangan (Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi), Timber Board ni menjaga kayu sahaja dia tidak ada jaga bidang-bidang lain jadi ukiran kayu ini dimasukkan, baru dimasukkan dibawah agensi mereka untuk membantu pengukir-pengukir, jadi kita, sekarang ini kita ada dua agensi yang membantu pengukir-

pengukir untuk terus berkembang dan dapat pasaran yang lebih efisien dan berjaya.

**NFY: Jadi tadi kita tengok kerajaan. Lepas itu, sekarang apakah peranan sekolah ataupun Institut Pengajian Tinggi dalam membangun seni pengukiran kayu ini. Macam mana dia mempromosikan?**

NHN: Institut Pengajian Tinggi [IPT] dia lebih kepada research, dia banyak—banyak macam nilah, banyak buat research, macam interview [temubual], macam ini kita buat ini. Tapi saya tak nampak ke mana dia nak bawak- mungkin dia akan buat research untuk dibangunkan oleh pihak-pihak lain agensi lain dalam kerajaan. Contoh masa dia buat research, buat kajian, penyelidikan dia akan bawak pergi kepada pihak kraf tangan atau Timber Board untuk dinilai dan untuk di bangunkan. Itu yang saya nampaklah. Sebab kita pun Persatuan Pengukir Malaysia pun ada kerjasama dengan Timber Board untuk buat penyelidikan untuk pembangunan, kita tak nak lagi pengukir-pengukir ini melakukan- pengeluaran secara tradisional, jadi itu melambatkan- pengeluaran produk itu sendiri dan dia cari teknologi-teknologi baru untuk menambah baik ataupun menambah unit pengeluar itu daripada , contoh kalau cara tradisional mungkin sebulan dapat buat sepuluh [10] biji pintu tapi bila ada teknologi baru dengan mesin-mesin yang baru dapat membantu tambahkan tiga empat kali ganda, mungkin lima puluh [50] buah pintu hingga ke seratus [100] buah pintu. Dia mana dalam masa yang sama harga itu sekali gus dapat mengurangkan—harga, kos jadi kurang, contohnya sebuah pintu, kalau cara tradisional kita jual lima ribu, tapi bila kita dapat keluarkan lima puluh ke atas unitnya mungkin kita boleh jual secara lebih murah lagi, mungkin tiga ribu [RM 3000] atau dua ribu lima ratus [RM 2500] ataupun dua ribu ringgit [RM 2000]. Itu sebenarnya, tujuan untuk berdaya saing, boleh—masuk dalam dalam pasaran yang berdaya saing, maknanya kita ada- pengeluar-pengeluar daripada China, India, Indonesia jadi kita dapat bersaing dari segi harga. Selama ini kita tak boleh, kita hanya buat dalam negara sahaja dan kita tidak boleh menembusi pasaran luar kerana harga kita agak tinggi berbanding dengan negara-negara lain yang mana mempunyai- label kos ataupun pekerja asing yang—pekerja-pekerja di negara mereka yang dibayar kos buruh itu sangat murah, jadi kita tidak dapat menyaingi harga yang di perkenalkan ataupun yang diletakkan oleh pihak-pihak

daripada luar negara.

**NFH: Jadi pada pendapat Encik, adakah pengukiran kayu ini boleh dijadikan sebagai satu terapi?**

NHN: Itu dari segi- itu bila kita lihat dari segi keseniannya. Terapi ni, bila benda tu seni [berseni], bila kita boleh tengok [lihat] ukiran secara- boleh berinteraksi maka kita boleh- bila kita tengok, kita boleh tatap dia lebih lama, lebih daripada lima minit hingga sepuluh minit maka kita sudah ada connection [hubungan] atau dipanggil—

(gangguan talian)

NHN: Putus ke? Kalau kita dalam *context commercial product* [dari sudut pengiklanan produk], *commercial product* ni cuma untuk memenuhi, memenuhi kuantiti yang ditetapkan. Ia macam, kalau *commercial* ni dia perlukan- kita ada nak buat bangunan yang nak pintu berukir sebanyak tiga ratus [300] buah dalam masa enam bulan. Macam mana kita nak buat satu ukiran yang ber- yang mempunyai satu apa ni- kita nak mengukir dengan perasaan tu, kita tak dapat. Maka ukiran itu hanya sekadar luaran sahaja, nampak- sahaja ukiran tapi cantik itu tak ada. Tapi kita ingat ukiran itu sebenarnya hiasan, kalau hiasan itu tak cantik ya, contoh Kalau kita pakai baju, contoh ya, kita pakai juga baju orang lain, jadi kita pakai baju yang hanya untuk- tujuan dia sebagai baju untuk tutup badan, tetapi mungkin guna kain yang tak bagus, design yang bagus, apa ini, dia panggil rekaan corak yang tak bagus, maka orang pun tengok macam janggal, melainkan kalau kita buat cantik dengan harga mahal, kain yang bagus, maka orang tengok pun- di situ maknanya ada kesenian dan orang yang melihat pun- ada terapi, cantik ya dan kita- rasa bila kita pakai kita- memberi satu- macam aura— kita rasa, saya tak tahu nak cakap, macam kita, kita boleh rasa—sama juga dengan ukiran, ukiran itu bila kita lihat, ada ukiran yang dibuat dengan nilai jiwa, dia men-- menjiwai. Macam orang penyanyi, lagu Siti Nurhaliza [Dato' Siti Nurhaliza] dia nyanyi memang menjiwai dengan nada suara dan sebagainya tetapi dengan lagu itu juga, nada itu juga tapi orang lain menyanyi jadi macam tak masuk, dia macam kita dengar pun tak feeling , gitu juga dengan ukiran, terapi itu mari

daripada sini dan ukiran-ukiran yang sebegini yang disebut tadi tidak ada lagi dalam pasaran sangat-sangat-sukar sebab ada saingen di mana kalau kita letak ukiran yang cantik tadi yang memerlukan masa sebulan untuk siapkan dan dia ada aura ataupun terapi tadi tapi harganya sepuluh ribu dan—diukir dengan ukiran biasa-biasa tapi harganya lapan ratus ringgit, yang mana kita nak beli. Jadi saya namapka penilaian dari segi terapi tadi orang akan kira macam apa, ketepikan. Sekarang ni sebab kita kena tengok dalam poket kita, lapan ratus ringgit jadi kita akan beli yang tu. Jadi sebab itu kita tengok ukiran yang sebegini tidak lagi relevan dalam dunia semasa sekarang. Kalau dilihat- sebab itu pengukir-pengukir , untuk menjana pendapat memerlukan pembuatan dibantu oleh mesin sebab orang tidak menilai lagi ukiran itu sebagai bahan seni ataupun objek seni yang saya sebutkan tadi. Jadi dia lebih- asalkan ada—contoh sekaranglah sampai saya dengar sekarang ini Baju Kurung yang harga lima puluh ringgit [RM 50], apa nama semua siap satu. Kalau kita nak buat, nak gi tempah baju, kain pun tak dapat lima puluh ringgit, nak upah pula tujuh laman puluh ringgit, jadi adakan yang dah siap, apa nama baju tu, sekarang ini macam *famous* [terkenal] baju tu, apa nama dia, tak tau, lima puluh ringgit sepasang. Jadi maknanya gitu,orang lihat- walaupun kain kurang sedap pakai tapi kalau di bandingkan dengan harga seratus lima puluh walaupun yang tu cantik tapi yang ini lima puluh ringgit, yang mana orang pilih, mesti orang pilih yang murah, maknanya akhirnya orang pergi ke nilai dia.

**NFH: Jadi tadi ada Encik cakap tokoh-tokoh yang enam guru itu ada nilai falsafah yang berbeza. Jadi apakah nilai falsafah yang Encik pegang pula dalam usaha memartabatkan Seni Ukiran Kayu ini?**

NHN: Aaa saya lihat falsafah itu dia lahir daripada ilmu yang kita faham ataupun pengalaman yang kita ada dan konsep apa yang kita pegang. Jadi contohnya, macam saya, saya selalu buat research, saya ni mendokong ukiran-ukiran yang dulu, saya suka menjadi seorang pengukir yang mengikut kaedah agama kita lakukan, maknanya bila kita nak belajar agama mesti kita kena bersanat sehingga sanat Rasulullah Haalihisallam [SAW] maknanya sanat yang di pegang Rasulullah itu bersambung-sambung jangan terputus. Kalau-- kita sebut daripada sekarang kalau dalam agama ustaz mana yang ajar kita, dan ustaz tu dengan siapa dia belajar, maknanya yang dia belajar itu, ustaz

tu gurunya siapa pula dan guru dari ustaz dia tu siapa- sampai ke Rasulullah tanpa putus. Jadi saya menggunakan kaedah agama untuk meng- mengekalkan atau menceburि bidang seni ukir ini sendiri. Iaitu saya akan cari guru dan guru ini pula akan meng- belajar dari guru ni— tapi dalam seni ukir sampai satu tahap di mana bila berlakunya penjajahan daripada barat di situ terputus. Maka itu sangat sukar untuk kami meng- mencari tatih-titih itu, maka kita buat kaedah baru dengan arwah Nik Rashidin mencari ukiran-ukiran yang dibuat, yang ada, masih tinggal. Contohnya di perkuburan, di masjid-masjid lama yang berusia tiga empat ratus tahun,,di rumah- rimah lama yang berusia tua dan juga artifak-artifak seperti hulu keris, seperti hulu Keris Tanjung, hulu keris yang berusia lebih lima enam ratus tahun. Jadi di situlah kita menggunakan sumber- dia macam kitab, orang Melayu ini dia tidak meninggalkan kitab macam orang Mat Saleh orang Barat kita ini lebih kepada objek ataupun- lisan, kita pesan secara lisan, dan orang tua ni pesan—dia tidak menulis, kalau menulis pun mungkin hilang, tambah lagi di sebelah Pantai Timur kita ini sekarang musim tengkujuh, kertas-kertas biasanya- hujan- bocor rumah bocor dan sebagainya kena air dan tidak akan member kesan, maknanya dia akan rosak. Jadi untuk kekal, apa ini ilmu itu kekal memberi apa ni, menurunkan secara lisan, pesan, kalau kita suka pesan, “aku pese [pesan] ni, Kalau nok buat kuih ni keno [kena]- apo [apa] ni lepah pado [pada]—sebelum- giling sebelum pada kisar, keno rende [rendam] air duo [dua] tigo [tiga] male [malam]” contohnya kalau nak buat tepungkan, jadi di pesan, dia- mak kita pesan mak kita tahu di mana, mak tahu daripada mak dia, tok kitalah, jadi tok pula tahu dari pada mana, tok dia pesan. Jadi maknanya kita orang Melayu ini lebih kepada lisan. Jadi selain daripada lisan yang di sebut- selain daripada itu adalah artifak itu sendiri, contohnya hulu-hulu tadi yang berusia- boleh bertahan sampai lima -- Dari 600 tahun. Jadi di situ kita mengambil sanad yang – daripada yang tua. Jadi kita belajar, mengikut peninggalan-peninggalan catatan yang ada pada artifak itu sendiri, bukan catatan yang dibuat – dicatat dalam buku. Itu cara – kaedah yang -- cara falsafah yang saya -- Soalan tadi, falsafah itu bermula daripada situ. Cuma kita ada pengolahan – pengolahan motif yang asal [asal] tadi, kita boleh olah paling maksimum pun dalam dua puluh peratus [20%] atau dua puluh lima peratus [25%], jangan lebih dari lima puluh peratus [5%]. Maka, sebenarnya kita nak mengekalkan ciri-ciri keaslian motif ukiran Melayu. Dan sekarang saya masih mengamalkan prinsip itu. Jadi prinsip itulah sebenarnya pada saya, itu adalah nilai falsafah yang perlu dijaga.

**NFY: Okey, seterusnya. Adakah Encik mempunyai hasrat untuk membuat penyelidikan baru dalam masa yang terdekat?**

NHN: Saya -- Sebenarnya pada tahun 2014, saya dah buat satu - macam – 2014 saya buat penyelidikan tentang ukiran cop telepuk. Telepuk ini adalah bahan akhirnya bukan pintu, bukan panel dinding dan sebagainya, tetapi dia - maknanya – apa dipanggil – karya akhir atau buatan akhirnya daripada tekstil kain, tetapi asas untuk membuat – kain itu menjadi sebeginu rupa, memerlukan ukiran kayu iaitu kena buat dengan bongkah kayu atau pun blok kayu sebesar lebih kurang dua inci [2 inci] atau satu kali satu inci [1x1 inci] diukir, ia diukir dengan bentuk bentuk motif bunga Melayu. Di situ ia menggunakan *Arabigan* dan juga – dan juga kertas emas atau pun dipanggil dengan terada terbang atau pun *Gold Leaf* yang asli. Ia menggunakan kaedah kaedah tertentu, maka di cop pada kain, ia akan menghasilkan satu kain yang dinamakan kain telepuk yang sudah hilang. Jadi, pada tahun 2014, selepas seni ini telah pupus dan hilang, maka saya ambik [ambil] inisiatif untuk meneruskan – kajian ataupun penyelidikan untuk menghidupkan balik seni kain telepuk itu, walaupun kain itu tidak boleh dipakai kerana tidak boleh dibasuh dan sebagainya, Cuma pada zaman dulu [dahulu], dipakai oleh sultan-sultan pada istiadat istiadat tertentu. Yang mana, itu adalah penyelidikan saya sebab dia ada berhubung rapat dengan ukiran cop itu, ataupun blok itu sendiri mesti diukir dahulu sebelum – terhasilnya – kain telepuk tadi. Dan satu lagi – kajian saya tentang seni iluminasi Al-Quran, iaitu – dia mempunyai motif-motif bunga yang sama dengan motif-motif bunga ukiran kayu dan juga motif-motif bunga pada hulu keris dan senjata-senjata Melayu. Jadi, motif-motif itu – Dan juga telah pupus - pupus ini sudah 100 tahun lebih kepupusannya berlaku. Sebab saya difahamkan iluminasi Al-Quran ini, yang Melayu, yang Terengganu adalah yang terbaik di dunia. Dia [*Iluminiasi Al-Quran*] telah disebut dan diisyiharkan oleh Dato' Dr Annabel Gallop daripada British Library, seorang ketua – kajian tentang seni iluminasi Al-Quran Melayu dan juga seni manuskrip Melayu di – Nusantara di British Library. Namanya Dato' Dr Teh Annabel Gallop (sic, Annabel Teh Gallop). Dia pernah sebut. Dan Al-Quran itu daripada Al-Quran Terengganu sendiri. Ini boleh buka dalam, tengoklah dalam *website* dan sebagainya, Al-Quran Terengganu, ada dalam itu. Mungkin boleh buka juga UMK. Eh, UMT, Universiti Malaysia

Terengganu, ada Dr Iswandi – Iswandi ke Iswadi (sic, Dr Mohd Iswadi bin Ismail) daripada Universiti Malaysia Terengganu. Di situ, ada motif-motif yang kita – sama kita gunakan dalam motif-motif buat [membuat] hulu keris dan ukiran-ukiran kayu di negeri Terengganu dan Kelantan. Itu dua perkara yang saya buat *research* [kajian], di mana pupusan [kepupusan] berlaku lebih dari 100 tahun dah. Jadi, saya nak hidupkan balik seni – hiasan Al-Quran dan juga seni persuratan Melayu. Zaman dahulu ada raja-raja kita bila nak tulis [menulis] surat, dia hias dahulu dengan lukisan-lukisan, motif-motif bunga yang di – ditintakan dengan emas sampai untuk menyiapkan satu hiasan itu sahaja memakan masa berbulan bulan – Berbulan bulan untuk menghias – surat atau pun warkah untuk dihantar kepada pemimpin pemimpin di Eropah. Ia masih disimpan di universiti atau pun muzium-muzium di Eropah, di mana juga dikatakan, warkah-warkah, surat daripada Terengganu – daripada sultan-sultan Terengganu adalah warkah-warkah tercantik yang pernah di – pernah ada di dunia ini. Cuba boleh tengok balik dalam – buka dalam buku warkah atau bukan buku tapi *world website* [laman sesawang] dalam warkah – persuratan dan iluminasi Al-Quran Terengganu.

**NFY: Okey, alright. Dan soalan seterusnya, sebagai Yang Dipertua Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR), bagaimana Encik memberi sokongan kepada pengukir – pengukir muda yang berada di bawah PENGUKIR?**

NHN: Ha ya. Saya sebenarnya kalau ikut generasi ini, banyak generasi dah yang datang daripada saya lah. Ada yang tidak berjaya untuk meneruskan. Dia belajar tapi kerana beberapa sebab tidak menguasai ilmu dalam bidang [seni ukir] ini sendiri, lepastu [selepas itu] dengan apa ini, kerja yang terhad ya di tanah air kita ini berkenaan dengan ukiran kayu. Selepas itu kerana kelambatan [kelewatan], kecepatan mereka atau pun, apa dia panggil – tempoh masa untuk mengukir itu tidak di – dipenuhi dalam tempoh masa yang sepatutnya. Kalau siap dua hari [2 hari], jadi tiga empat hari [3-4 hari] atau pun seminggu [1 minggu], maka dia gagal untuk menyudahkan [menyiapkan] ukiran itu, antara sebab-sebab generasi muda tidak berminat untuk berkecimpung dalam bidang ini. Tapi apabila kita lihat di – di Malaysia ini ada tiga pusat latihan kerajaan – oleh agensi kerajaan. Yang pertamanya di Rawang, Selangor

iaitu IKN, Institut Kraf Negara di bawah Kraftangan Malaysia. Setiap tahun, mereka [IKN] mengambil pelatih-pelatih baru. Yang kedua di Desa Ukiran Kayu di Kampung Raja [Besut] sendiri, di bawah YPU, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu. Dan satu lagi, di Hulu Terengganu, Kuala Berang di TTITC, Terengganu (gangguan bunyi) Terengganu Training – Terengganu Timber – Timber Industry – Training Center. Saya pun tak ingat, ikut orang putih ke. Jadi, di situ tiga tempat yang mengeluarkan pengukir-pengukir secara asas lah. Secara selama setahun setengah itu mengeluarkan ukiran secara asas. Dan saya sendiri adalah salah seorang, - mentor kepada – program Yayasan Sultan Mizan, yang – melatih – pelajar-pelajar seramai – Sepatutnya sepuluh orang [10 orang] tetapi setiap tahun saya cuma dapat empat lima orang [4-5 orang]. Sekarang ini, saya mengendalikan empat orang [4 orang] untuk tahun ini dan saya nampak mereka lebih – berkualiti – dan saya ambil juga pengukir-pengukir yang telah ada sedikit kemahiran - yang boleh buat ukiran, di mana mudah untuk saya mengangkat *level* [peringkat] mereka daripada asas itu kepada satu peringkat lain. Jadi, sekarang ini dah – Selepas pada pandemik ini, PKP baharu ini, mereka bermula, tak silap saya, bulan Jun – pada bulan Jun tak silap saya, bermula dan akan berakhir pada (mengira) (gangguan talian) – Baru ini ada dua orang - (gangguan talian) Sekejap ye [ya]. Okey, kita sambung.

**NFY: Mm-mm, mana ya tadi. Dekat – Okey sambung ya. Jadi apa matlamat encik – Apa matlamat yang Encik nak laksanakan sebagai YDP PENGUKIR?**

NHN: Sebagai YDP PENGUKIR - ye lah [iyalah] sebab saya memegang – macam ini lah, YDP ini, dia tak [tidak] boleh buat keputusan sebenarnya. YDP ini, dia kena mendengar daripada AJK [Ahli Jawatan Kuasa] dan ahli-ahlinya, di mana - majoriti yang tinggi ataupun paling banyak, kita akan – saya akan apa – mengesahkan. Saya cuma mengesahkan pandangan atau pun pendapat-pendapat dan juga saranan daripada ahli-ahli - yang paling ramai, bagi saya boleh turunkan *signature* [tandatangan] untuk dihantar ke mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan dengan – perkara yang – terbabit ataupun yang melibatkan keseluruhan persatuan ataupun pengukir-pengukir di Malaysia, di tanah air kita. Jadi, saya – saranan saya lah, kepada

semua ini, kita [PENGUKIR] usaha banyak dah. Persatuan ini penting ya. Persatuan kita ini sangat penting. Kita tidak boleh bercakap atau tidak boleh – dengan di - seorangan [berseorangan] untuk - jumpa dengan pihak-pihak agensi kerajaan, tak [tidak] boleh. Itu syaratnya. Syaratnya mesti ada persatuan di mana dengan suara ramai – suara ramai yang di – suara daripada majoriti, ahli ahli dapat diangkat atau pun dibawa ke agensi agensi kerajaan untuk di – nilai atau pun di – dibawa oleh agensi kepada kementerian. Ini banyak berlaku, kita dah dapat buat (gangguan bunyi) *National Occupational* – apa dia panggil – skills *standard*, ya, macam untuk SKM, beri sijil kepada pengukir-pengukir di mana mereka boleh mengajar di institusi-institusi yang berkait dengan ukiran kayu. Itu satu, dah berjaya pada tahap dua, tiga dan empat. Dua, tiga- empat lima. Ha, jadi, tahap diploma. Ya, selain daripada itu kita - bersatu ataupun kita bergabung untuk memohon apa-apa kepentingan dan kebaikan untuk pengukir – kepada agensi kerajaan seperti kraftangan Malaysia dan juga Malaysia Timur. Jadi – Sekarang kita dah melihat – usaha itu makin hampir ya, untuk berjaya, di mana dengan suara yang ramai ini, agensi-agensi tersebut baru ambik [ambil] perhatian ya, untuk menilai – semula dan mengkaji sama ada perlu – (gangguan talian).

**NFY: (menaip di ruang mesej Google Meeting) “line tak clear encik”. Boleh Encik ulang balik?**

NHN: Ya.

**NFY: Hello?**

NHN: Ya. (melihat telefon). Sekejap ya, minta diri sekejap. (bangun dan berlalu). Okay, boleh sambung, mintak [minta] maaf ya.

**NFY: Okey tak apa.**

**NFY: Okey. Saya sambung ya? Okey, tadi saya dah tutup – apa untuk bahagian dua. Jadi, kita masuk ke bahagian terakhir iaitu bahagian – soalan mengenai kaedah, skills dan tips dalam pengukiran kayu ini.**

**NFY: Jadi yang pertama – Apakah alatan yang digunakan semasa proses pengukiran kayu?**

NHN: Apakah?

**NFY: Alatan yang digunakan?**

NHN: Alatan. Alatan itu, biasanya Kalu [kalau] - pengukir kayu dahulu, dia pakai pisau wali. Pahat-pahat itu, pahat *simple* [ringkas] itu, yang asal dulu lah. Dia [pengukir] menggunakan lebih daripada lapan puluh peratus [80%], menggunakan pisau wali. Tetapi sekarang, setelah - pengaruh daripada Indonesia juga dan apa semua, jadi kita lihat, pahat - alatan pahat daripada Indonesia itu lebih berkesan - dapat membantu tanpa menjelaskan – ukiran Melayu itu sendiri. Maknanya tidak menjelaskan – liuk lentok ataupun pahatan ataupun penggayaan - (gangguan talian) Sekejap ya. (berlalu pergi seketika dan kembali ke *screen*)

**NFY: Jadi kita sambung tadi. Apakah alatan yang digunakan masa proses mengukir kayu itu.**

NHN: Kita banyak menggunakan pahat lah. Saya sebut tadi, pisau wali itu, dia panggil – Pada zaman dahulu, pisau wali itu memainkan peranan besar – iaitu lapan puluh peratus [80%] ya. Selepas pengaruh daripada negara jiran, kita menggunakan pahat – yang ada empat puluh set [40 set] – empat puluh [40] peralatan pahat itu sendiri. Sekejap ya. (berlalu pergi) Okay.

**NFY: Jadi, maknanya – ukir kayu ni kita guna pahat je lah.**

NHN: Sekarang ini, penggunaan pahat itu lebih mempercepatkan kerja-kerja ukir, tanpa menjelaskan kaedah pengukiran cara lama – Melayu. Jadi, pisau itu – agak lambat sikit dan pisau itu boleh guna tempat-tempat tertentu saja. Jadi kalau guna pahat ini, dia boleh pergi lebih jauh sikit. Kaedah ini telah digunakan - lebih daripada – tiga puluh tahun [30 tahun] dah – penggunaan pahat ini.

**AFS: Bagaimana pula kaedah Encik menjaga peralatan – Ada kaedah tertentu tak?**

NHN: Oh banyak. Sebab itu saya sebut tadi, setiap tempat apa ini – setiap aliran ukiran itu ia tidak sama. Jadi penggunaan pahat itu tidak sama berdasarkan – bagaimana kita nak ukir dan bagaimana – membentuk *design* [reka bentuk] itu dulu. Selepas itu, *design* itu akan – memberi – macam syarat pada kita untuk mengukir, mengikut *design*, kehendak *design*. Apa yang kita ukir gini [sebegini], lukis bunga sebegini, maka – pemahat tu – pengukir-pengukir tu dia dapat – *detect* [mengenal pasti] macam mana nak ukir mengikut *design*, mengikut kehendak *design*.

**NFY: Okey. Jadi, macam mana kita – cara pemilihan kayu itu dibuat, untuk kita guna dalam ukiran kayu ini?**

NHN: Untuk pengukiran kayu – penggunaan kayu pun terpilih. Contohnya kalau kayu yang biasa yang digunakan oleh orang Melayu pada zaman dahulu lagi, kalau ukiran-ukiran untuk – panel pintu untuk bangunan biasanya kayu cengal. Itu terbaik. Yang kedua, mereka menggunakan kayu merbau. Selepas itu, mereka menggunakan kayu Nyatoh itu kemudian ni kayu Nyatoh dan kayu-kayu – apa ini – Yang lain pun telah digunakan sekarang kerana ada pelanggan-pelanggan yang tidak mampu untuk – membelanjakan duit untuk buat dari kayu cengal.

**AFS: Dari mana Encik mendapat kayu-kayu tersebut? Samada dari  
(mencelah)**

NHN: Di Terengganu memang paling banyak. Kalau cengal, Terengganu memang – pusat pengeluaran atau pun pusat terdapatnya banyak hutan-hutan daripada pokok cengal. Merbau di sebelah Perak dan kayu -kayu lain pun ada di seluruh Malaysia lah, Pahang dan sebagainya.

**NFY: Oh okey. Jadi – apakah rawatan yang digunakan untuk kita – jaga kayu tersebut dalam keadaan baik? Sebelum kita –**

**(mencelah)**

NHN: Satu, yang terbaiknya – ukiran di dalam rumah. Kalau dalam rumah itu biasanya susah untuk *exposed* [terdedah] pada cuaca panas dan hujan. Terdedah kepada cuaca-cuaca *extreme* [melampau] macam itu. Kalau ukiran-ukiran ataupun kayu-kayu yang diletak di luar, yang macam pintu gerbang atau kita guna untuk *outdoor*, cepat rosak dan kita dibantu – hanya dibantu oleh *finishing* atau pun varnish-varnish yang boleh menahan daripada – cuaca-cuaca *extreme* yang saya sebutkan tadi seperti cat ICI untuk *Timber* dan ada beberapa jenis, di mana kena guna bahan pelindung daripada cat-cat yang dicadangkan oleh pihak – atau pun dicadangkan oleh syarikat-syarikat cat lah. Cuma mungkin boleh bertahan lima tahun [5 tahun] hingga sepuluh tahun [10 tahun]. Sepuluh tahun itu mungkin mahal – harga untuk – bahan untuk nak *protect* [lindung] kayu kalau untuk *outdoor*. Kalau di dalam rumah, biasanya tidak ada masalah kerana ia tidak terdedah kepada cuaca-cuaca *extreme* macam itu.

**AFS: Berapa banyak ukiran yang boleh diukir pada satu-satu kayu?**

NHN: (terpinga-pinga) Eh, soalan pelik tu. Berapa banyak ukiran?

**AFS: Motif-motif kayu.**

NHN: Dia bukan macam itu. Dia macam – dia tengoklah kayu biasa dua kali dua [2X2] kaki, ataupun kayu satu kaki kali lapan [1X8] kaki. Jadi macam itu. Biasanya pintu lah. Kita boleh Nampak pintu – saiz pintu normal, tiga kaki kali tujuh [3X7] kaki. Jadi ukiran itu boleh diukir. Tengok ukiran belakang saya ni (sambal mengalihkan kamera ke atas), ada sedikit ukiran yang tak Nampak, atas itu ada sikit. Jadi, bergantung kepada kemampuan – pemilik rumah itu – nak banyak mana, berapa peratus. Jadi, kos tu rendah lah. Ada orang yang nak ukir, dia ada banyak duit, dia ukir penuh. Ha, gitu [begitu] maksudnya. Bergantung kepada kemampuan pemilik – ataupun penempah. Jadi, kalau pintu tu tujuh kali tiga [7X3], dia nak ukir semua – dan dia mampu bayar maka kita buat. Dia tak mampu, dia nak ukir sikit, jadi kos tu lebih jimat. Ha dia macam itu.

**NFY: Jadi seterusnya, macam mana cara kita nak tahu – kualiti ukir itu berkualiti. Maknanya seni ukiran itu sendiri berkualiti.**

NHN: Itu, bergantung kepada – Kita kena tahu. Kalau kita tahu – mudah lah. Pengukir itu dah ada nama, dah *established* [terkenal]. Maka, dia orang ini menjaga kualiti kerana apa – dia dah *established*, kenapa ada nama – kerana dia telah menjaga – ciri-ciri keselamatan, ciri ciri—kehalus, pengukiran yang betul dan tepat – dan ciri-ciri pengolahan motif itu sendiri. Jadi, daripada situ, orang akan bercakap, orang akan bagi – *credit* [penghargaan] untuk syarikat atau pun jenama orang itu sendiri. Jadi orang akan tahu, kalau nak pengukir ini, kena cari si mamat itu lah. Jadi, nama itu penting. Apabila nama itu ada, maknanya dia telah menjaga – ciri-ciri yang perlu pada seorang pengukir untuk membuat ukiran supaya nampak elok dan cantik.

**AFS: Sebagai seorang pengukir, encik rasa seni ukir di Malaysia ini akan mengalami perubahan nilai estetiknya pada masa akan datang atau tidak?**

NHN: Akan berlaku. Kerana kita tidak mampu – Untuk bergerak ke satu ukiran yang – mempunyai nilai estetik ini, dia ada peminatnya tersendiri, dia [pelanggan] sanggup bayar mahal, ada. Tetapi itu sebenarnya tidak membantu – tidak memberi jaminan untuk meneruskan – usaha sebagai seorang pengukir sepanjang tahun. Yang estetik-estetik ini, mungkin tiga, empat bulan. Dalam setahun itu, dia ada kerja tiga empat bulan maka – lapan bulan lagi nak buat kerja apa? Itu yang nilai estetika yang tinggi lah. Tetapi kalau yang *commercial value* [nilai komersial], dia boleh bertahan sepanjang tahun, walaupun dia murah tapi kita dapat keuntungan daripada kuantiti atau pun *volume* [jumlah] yang kita jual. Kita jual melalui *volume* – tak cantik tak apa tetapi dapat memenuhi permintaan daripada pelanggan. Jadi harga dia agak murah tetapi kita dapat kutip – *percentages* [peratusan] daripada unit ni. Kalau dia perlukan 500 unit. Kalau kita ambil untung dalam satu unit, untung RM100, kalau 500 kali RM100? Kita dah dapat 5 ribu keuntungan. Betul? 5 ribu ke atau 50 ribu atau 500 ribu? 100 kali 500 maknanya 5 ribu. Kalau 5 ribu unit, kita ambil untung 100 jadi kita dapat 50 ribu. Itu caranya – Buat cepat tapi kuantiti yang banyak. Kalau kita nak buat terlalu berseni, maka proses itu melambatkan – memerlukan masa yang lama. Maka, harganya tentu mahal tetapi kita tidak dapat membuat dalam kuantiti yang besar. Nampak dak? [tak]. Ha jadi dua perkara yang berbeza. Jadi saya di – Saya sendiri pun di dalam dilema sendiri, yang mana nak jaga. Yang mana nak *commercial* kan. Kalau kita *commercial* kan, itu yang kita akan dapat sepanjang bulan, sepanjang tahun – berterusan dan pengguna pun ramai. Orang pertengahan boleh pakai dan sebagainya. Dan pendapatan pertengahan itu paling ramai di dunia ini. Yang estetika tinggi itu tadi – tak ramai, sangat terhad. Ada, tetapi tidak dapat membantu kita walaupun mahal di mana kita tengok dua perkara. Satu untuk menjaga – identiti – menjaga keindahan seni ukir Melayu itu sendiri dan satu lagi kena buat juga satu yang – *department* [bahagian] lain yang menjana pendapatan. Dua perkara ini yang perlu dipisahkan, diasingkan *department* nya. Jangan campur sekali.

**NFY: Oh okey. Jadi, bagaimakah encik memastikan peralatan yang digunakan itu – sentiasa berada dalam keadaan yang baik? Seperti pahat**

NHN: Ya?

**NFY: Oh, saya ulang. Bagaimakah encik memastikan segala peralatan ukiran itu sentiasa berada dalam keadaan yang baik?**

NHN: Masa dalam penjagaan lah. –bergantung kepada itu. Kalau harganya yang tinggi, pembuatannya yang elok dan kualiti tinggi, kita kena simpan di tempat yang bersuhu bilik lah dalam – antara dua puluh darjah [20°C] hingga tiga puluh satu [31°C], tiga puluh tiga darjah celsius [33°C]. Maknanya, kita boleh jaga dan dia [kayu] boleh bertahan di tempat yang di bawah – teduhan matahari lah. Contohnya dalam bilik atau pun di tempat-tempat tertentu – yang selalu ada angin. Angin boleh berlari – tak angin terkurung. Macam kita duduk dalam bilik, kita tutup terus, tak ade [ada] *ventilation* [pengudaraan] – keluar masuk angin itu tak boleh. Jadi nanti dia akan jadi panas dan boleh merekah atau pun merosakkan ukiran – dia akan jadi retak.

**NFY: Oh okey.**

**AFS: Bagaimakah motif (gangguan bunyi) – Melalui pendapat encik atau *customer* [pelanggan] sendiri?**

NHN: Apa dia? Tak dengar.

**AFS: Bagaimana motif kayu dipilih? Adakah berdasarkan pendapat encik sendiri atau *customer*?**

NHN: Motif kayu?

**AFS: Motif kayu dipilih untuk mengukir.**

NHN: Ha. Dia biasanya motif ini – tiap-tiap aliran ada lah motif-motif yang tersendiri. Jadi, mereka mengolah – mengikut saiz yang diberikan. Contohnya pintu tadi, tiga kali tujuh [3x7] kaki maka kita akan pilih – Kalau dia - keluasan dia itu nampak besar – dan saiznya nampak luas, kita akan guna motif-motif bunga yang besar, daun-daun yang besar seperti daun sukun, daun-daun yang agak besar. Kita jangan guna motif daun-daun yang kecil [kecil], jadi mabuk nampak dia. Jadi kita kena buat motif-motif daun yang besar, sesuai dengan saiz – saiz yang kita nak itu. 3x7 ini besar kan, maknanya kita kena olah dengan daun yang lebar dan panjang. Maknanya, baru lah kita nampak dia harmoni, maknanya keseimbangannya. Dalam seni ukir Melayu, keseimbangan sangat penting, sangat diutamakan di mana – dia [ukiran] tak nampak orang kata – tak nampak bolok [serabut] atau pun nampak macam – glewok [sibuk] orang kata. Dia nak – dia nak kan yang nampak keseimbangan itu ada. Seimbang itu maknanya – tidak jarang sangat dan tidak padat sangat, pertengahan.

**NFY: Oh okey. Jadi – motif manakah yang menjadi pilihan para pengukir pada masa sekarang?**

**(mencelah)**

NHN: Jadi?

**NFY: Kita tahu banyak motif kan yang ada dalam seni ukir ini. Jadi motif mana yang menjadi pilihan para pengukir untuk dia ukir.**

NHN: Bergantung kepada – aliran tadi lah. Kalau macam saya, saya ada lah beberapa motif yang saya perkenalkan dan saya gunakan. Jadi, di usahawan lain – pengukir lain, dia

dah ada bunga dia sendiri, jadi bergantunglah. Kalau pelanggan itu suka bunga daripada bengkel si Yusuf, maka dia akan pilih, akan pergi lah cari – motif bunga Yusuf tu buat. Kalau dia suka bengkel Mamat ini buat, maka dia gi [pergi]. Maka dia tengok lah, mungkin dia ada tengok dulu lah – motif yang dia suka tengok – yang dia rasa sesuai dengan citarasa dia, dia akan cari orang-orangnya. Sebab bila kita boleh nampak, motif ini adalah identiti – pengukir ini - ini adalah identiti pengukir ini – dia tak sama.

**AFS: Apakah teknik-teknik pengukiran kayu yang menjadikan hasil ukiran lebih kemas dan cantik?**

NHN: Apa dia?

**AFS: Apakah teknik-teknik pengukiran kayu yang menjadikan hasil ukiran tersebut lebih kemas dan cantik?**

NHN: Itulah – nak cakap kemas itu – Dia [teknik] bermula daripada *design* keseimbangan. Pertama keseimbangan, lepastu penyusunan bunga-bunga dan daun – cara yang betul. Yang ketiga, cara pengukiran – masuk kepada orang pengukir – maksudnya pengukir yang kemas, maknanya kena bersih – dan mengikut citarasa – kehendak motif atau *design* itu sendiri dan – maknanya daripada situ, pengukir itu perlu yang mahir sangat lah. Kalau kurang mahir, walaupun *design* itu cantik, tapi bila diukir dengan orang kurang mahir, maka, pandangan – atau hasilnya nampak buruk juga. Jadi, bukan bergantung kepada satu perkara – jadi banyak dia – kena digabungkan daripada pelukis bunga itu dulu. Ya, bermula dari pelukis bunga, *design* dan motif, selepas itu penyusunan lakaran yang betul dan tepat – selepas itu masuk gaya pengukiran. Maknanya orang yang mengukir itu mesti – memahami kehendak motif tu – atau kehendak *design* itu. Maka, kebersihan perlu dijaga sebab dia akan memberikan satu kesan yang menarik iaitu bersih – nampak bersih dan nampak kemas.

**NFY: Okey, jadi soalan seterusnya. Apakah perbezaan antara seni ukiran kayu Melayu Tradisi dengan seni ukiran kayu Kontemporari?**

NHN: Tradisi dia [Ukiran Kayu Melayu Tradisi] lebih ketat – syarat-syaratnya. Penjagaannya perlu dijaga. Antaranya yang saya sebut tadi lah, satunya mesti simetri, tidak juga semestinya simetri tetapi perlu ada – daripada biji benih –daripada punca dan kena berakhir. Itu wajib dalam tradisi, di mana olahan itu – mesti menggunakan motif yang terdahulu. Kita ambil motif-motif itu, macam huruf lah. Kita petik huruf tu A-B-C dan kita boleh gubah nak buat huruf apa pun – nak buat perkataan apa pun. Sama juga, dia ada daun, dia ada buah, ada bunga – ada lima elemen yang kuat iaitu – punca, batang, daun, bunga dan buah. Lima elemen itu wajib dalam ukiran di mana pemilihan – penyusunan lima perkara ini . Susun buah, susun bunga, susun batang – lima perkara ini akan menghasilkan satu *design* motif atau pun olahan motif tradisi yang bergantung kepada sape [sesiapa] yang mengolah itu. Kalau – Walaupun dia [pengukir] dapat lima-lima tadi, tetapi bila dia tak pandai mengolah, maka dia [motif] tidak terjadi cantik dan elok. Tidak menepati ciri-ciri sebagai seorang pelukis atau pun seorang, apa dia panggil – pelukis motif tradisional. Ya, lima-lima elemen itu penting. Jadi – itu yang asli dan kena *study* [belajar] setiap bunga itu, bunga macam mana – yang aslinya. Buah macam mana yang aslinya? Kedudukan buah itu samada melengkuk atau pun – bunganya mengucup, terlengkup atau pun mengembang. Itu kena paham [faham] ciri-ciri dan juga sifat-sifat bunga itu sendiri. Batang pula ada berapa jenis batang – dahan, ranting – itu kena *study* – dalam batang itu ada berapa jenis. Kalau yang dalam bunga pula ada berapa jenis kedudukan dia, Kudup, melengkuk – terlengkup dan satu lagi, mengembang. Kalau buah, buah yang mekar, buah putik, buah yang ranum dan buah yang – agak agak nak buruk dah, nak makan di ulat. Kita kena faham – maknanya pecahan-pecahan dalam lima elemen itu tadi, setiap elemen tu tadi. Punca – itu daripada mana? Daripada benih, daripada pasu, daripada punca rahsia – punca bunga ibu – itu kena faham.

**AFS: Baiklah, soalan seterusnya. Pada pandangan encik, adakah pengadaptasian unsur-unsur moden dalam seni warisan ukiran kayu menjelaskan keaslian tradisi warisan masyarakat?**

NHN: Apa dia?

**AFS: Pada pandangan encik, adakah pengadaptasian unsur-unsur moden dalam seni warisan ukiran kayu menjelaskan keaslian tradisi warisan masyarakat?**

NHN: Itu yang saya nak jawab soalan itu tadi. Yang saya sebut tadi, tradisional je [saja]. Kotemporari. Bolehlah saya jawab ini, boleh – menjawab soalan perbezaan kontemporari.

**NFY: Oh! Okey boleh.**

NHN: Kontemporari ini adalah – dia mesti melalui proses tradisional dulu, baru kontem [kontemporari], sebab semasa. Semasa ni mesti bermula dengan asal – baru jadi semasa. Betul dok [tak]? Kita jadi – umur gini doh [begini dah], umur kita gini – umur semasa kita mesti bermula. Nak tahu mula dari mana itu, daripada kecil [kecil] itu tadi lah – duduk dalam dukung mak ayah, daripada situ. Itulah tradisi sebenarnya, kita lahir daripada situ – daripada kosong dok tahu gapo sekaro[tak tahu apa pun]. Jadi sekarang ini, semasa. Semasa ini apa kita buat – takkan kita nak buat duduk dengan ibu lagi? Jadi kita dah melakukan sesuatu yang lain – ini maksud semasa. Jadi semasa itu – Motif semasa itu, maknanya mesti diambil – atau mesti kita menguasai dulu – motif atau pun perkara-perkara yang berkait dengan ukiran tradisional. Maknanya kita kena faham benda itu dulu dan menguasai dulu benda itu, baru boleh bercakap mengenai semasa. Bukan semasa itu, tiba-tiba kita mari terus nak semasa – tak boleh. Itu dipanggil sesat – dah salah itu. Sesetengah orang pengukir, dia tak pandai apa-apa pun, bila dia buat, ini kontemporari – mana asal usul mu [awak]?

Daripada mu belajar – sebab kontem ni dia lebih rumit daripada hok [yang] asal. Macam kita buat huruf kan, kita tulis A-B-C sampai Z. Itu wajib kita kena belajar – tapi kita tulis tu biasa. Betul tak? Tapi kontem itu, bila kita tulis, kita sekarang nak pilih huruf mana? Bentuk huruf mana yang sesuai? Itu kontem. Kalau kita pandai nulis [menulis], bermakna kita boleh tulis cantik, kita boleh tulis elok, kita boleh reka macam-macam jenis -huruf-huruf tadi? Tetapi, mari [dari] mana mu tahu benda ni, mu duk reko [mereka] bunga – atau pun motif – reka huruf-huruf ni jadi lawa ni, mu mari mana? Dia akan jawab, panda [pandai] sendiri gini [begini]. Tidak. Dia mesti belajar dulu – asas-asas huruf A sampai Z tu – baru mu boleh menyusun, atau menggabungkan huruf-huruf tadi menjadikan satu objek – atau satu huruf yang cantik. Itu kontemnya. Nak faham la – dari situ. Saya nak cerita pasal ukir, takut tak faham – saya cerita pasal huruf. Huruf ini semua manusia reti [pandai] menulis. Jadi maknanya, dalam Kontemporari itu, perbezaannya adalah – menggabungkan antara tradisi tadi sebanyak – sekurang-kurangnya tradisi itu kita guna empat puluh peratus [40%] atau pun tiga puluh peratus [30%] tradisi asas tu. Lepastu kontem itu kita boleh gunakan hingga tujuh – enam tujuh peratus [6-7%] kontem. Maknanya kita boleh ambil – kita boleh petik daripada mana-mana tanpa – Maknanya orang tahu yang kontem ini ada asasnya. Bukan kontem ini, buang yang tradisional terus keluar yang kontem. Tak – dia mesti ada asas. Kalau terus keluar gitu, maknanya dia tu sesat lah tu, salah lah tu. Jangan – kita jangan – tak boleh di – kita kena tolak lah. Sebab itu kita kena faham, benda itu – kontem itu apa? Sebab itu kita kena soal. Ada saya pernah mengendalikan satu pertandingan di IKN beberapa tahun dahulu, ada seorang – ada beberapa orang – pelajar-pelajar yang mengatakan ukiran yang dia buat itu, adalah kontem. Jadi, kita [saya] rasa pelik, sedangkan mu tidak belajar lagi, mu tidak mahir – memahami lagi, jadi dia tidak bawa pun elemen-elemen tradisional. Dia terus pergi ke satu – Macam dia buang tradisional itu dan dia terus – ambil satu benda yang berbeza terus, terus buat. Itu salah – tak boleh. Kita kena faham apa itu kontem. Kontem ini adalah rentetan – kesinambungan daripada asas-asas tradisi yang kita belajar dulu, barulah boleh dipanggilkan kontem.

**NFY: Oh okey. Faham, faham.**

**NFY: Okey, lagi soalan seterusnya. Pada pendapat encik, apakah faktor yang menjadikan seni Ukir Melayu ini, setanding dengan negara-negara lain. Maknanya kita tahu, negara-negara lain pun ada seni ukir dia sendiri kan? Jadi apakah faktor tu.**

NHN: Jadi, kalau – Sebab itu kata, ukiran ini adalah identiti satu-satu bangsa. Jadi, kalau kita tunjuk ukiran kita di Eropah, orang Eropah tak kan terima – sebab – dia ada identiti sendiri, kenapa dia nak menggunakan identiti orang? Kenapa nak gunakan simbol orang? Macam kita, kita tengok ukiran Indonesia, kita suko [suka] dok? Tentu kita dok suko – tidak menepati ciri-ciri kehendak-kehendak kita. Sama juga macam Indonesia, dia tengok ukiran kita, walaupun cantik kita buat, dia tidak akan – memberi satu impak yang baik kepada ukiran kita. Mereka akan mengangkat ukiran mereka juga. Sebab itu, ukiran itu satu identiti – satu simbol kepada bangsa. Kita tak boleh bawa simbol kita ke negeri orang lain supaya orang lain menerima simbol kita. Betul ke tak? –

**(mencelah)**

**NFY: Betul, betul (mengangguk tanda setuju)**

NHN: Jadi begitu lah maksud dia. Maknanya ukiran ini adalah identiti dan simbol. Jadi kalau kita nak pergi ke Eropah, nak jual barang-barang ukir di Eropah, maknanya kita kena buat ukiran yang – ada hubung kait dengan dia juga. Berdasarkan dengan kemahiran yang kita ada ini, kita kena *study* sikit, bunga apa yang dia suka. Kita bawa lah bunga yang dia suka itu – baru lah laku nak jual. Jangan bawa hok kita. Betul tak? Ha dia begitu, Supo [serupa] kita lah, nak bawa Baju Kurung nok jual di Eropah, sape – musim sejuk keta [menggil] gini? - Tapi kita nok baju orang Eropah paka [pakai] ni. Orang Melayu kita ni dia gong [sombong] sikit – jadi hok [yang] ore [orang] dio terimo [terima] belako [semua]. Semua molek [elok] belako hok ore. Hok sendiri – dia dok – suko, dia dok terima, lepastu – Bawok Baju Kurung nok pergi jual di

Eropah. Sela habuk dok laku. [Sehelai sepasang pun tak laku]. Jadi maknanya – begitu. Kita kena faham satu – konsep ataupun bagaimana prinsip-prinsip itu terbentuk oleh karya-karya atau hasil-hasil yang dibuat oleh satu-satu bangsa. Maknanya dia ada simbol dia sendiri – kena faham hok itu dulu. Jangan masa kita panda [pandai] ukir, kita nok jual di Eropah. Ore dok beli. Saya pernah bawok doh, pergi ke *New York*, ke *Frankford* ke Dubai, takdok – dia orang tak minat. Dia nak bunga macam dia juga. Dia kata boleh tak buat bunga macam dia? Kata, kalau bunga mace [macam] dia, dia gi – mu gi tempoh ore mu lah ukir [mu pergi tempah orang mu lah mengukir]. Bakpe ore kito pulok nya. Jadi maknanya, kita kena faham lah, apa sebenarnya fungsi ukiran tu. Ukiran adalah simbol dan juga identiti dalam satu bangsa. Dia bukan kerana comel ke kerana dia tu – dia tu boleh pun orang lain pakat [sepakat] kenal belaka. Melainkan ore yang suko tengok dan dia beli untuk hiasan, ada. Ore putih [pelancong] pun ado beli ke orang, hok kita buat kukuh nyior [pengukur kelapa] tu, buat balik ke tempat dia sebab dia tengok unik, Jadi, dalam konteks – etnik, kita orang Melayu menggunakan kukuran [pengukur kelapa] untuk parut nyior. untuk kokok nyior [memarut kelapa], maknanya dia tengok gitu sebagai fungsi, bukan sebagai – keindahan semata. Maknanya dia fungsi – ini orang Melayu. Hah dia gitu.

**NFY: Okey.**

**AFS: Soalan seterusnya. Berdasarkan pengalaman encik dalam bidang seni Ukir ini, apakah perbezaan yang encik dapat simpulkan antara seni Ukir Kayu generasi lama dengan generasi baru?**

NHN: Kalau kita lihat tadi lah, perbezaan dia banyak sekali sebab ore dulu dia tidak – melihat banyak macam kita loni [sekarang]. Kita ni mato [mata] ini – nok jadi terbakar [letih] nok pecoh bo dah [nak jadi letih dah] sebab tengok banyak sangat benda. Dulu, dia tengok keliling kelalang [dalam] kampung dia je. Nok gi kampung lain pun payoh [susah]. Nok tengok benda baru pun payoh. Jadi kalau ada keramaian setahun sekali,

boleh lah tengok orang lain. Jadi duk tengok orang tulo [sama] je zaman dulu. Paling kiri, tok laki [suami], paling sini, bini [isteri], anak-anak [anak-anak] tengok depe [depan] rumah. Itu je dok main di mato dio. [Itu saja yang bermain di pemandangan dia]. Jadi bila orang lain masuk, orang asing masuk, jadi pelik dio. Habis jage lah kampung orang lain, orang lain masuk kampung dio. Ore jare [jarang] masuk. Tu dulu – Jadi dia tidak dipengaruhi sangat oleh – pengaruh-pengaruh luar. Jadi dia – ruang dia je. Dia tidak dipengaruhi oleh pengaruh luar. Jadi, apa yang diamalkan pada masa itu, hok tu je yang dia buat. Terlalu sempit. Tapi sekarang, kita ni, tett - tekan je telefon, tubik [keluar] semua, Russia gapo [apa] semuo keluar belako. Jadi dipengaruhi – Otak kita dipengaruhi – Kita tengok, “eh comel pulok, Kalau buat bunga gini. Mula-mula nok bunga hok ni, lepastu nok bunga gini lah pulok lawa.” Sebab kita menilai bunga itu – Tengok bunga daripada Paris comel, nampak di satu rumah – ataupun satu negara orang putih ni, Perancis ni lawa, nok tiru gini lah pulok. Kita tak kira, kita tengok saja comel, sedangkan Kalau kita faham, kita nak bunga kita. Bakpe [Kenapa] nak bubuh [letak] bunga Perancis dalam rumah kita nya? Ore kita ni mudoh [mudah]. Sebab itu, Kalau gi Mekah, ore jual di keda-keda [kedai-kedai] tu, boleh kecek [bercakap] Melayu. Ore jual di Mekah, Madinah tu wajib bercakap Bahasa Melayu, Kalau tidak – Kalau dok pandai cakap Bahasa Melayu, ore dok masuk dalam kedai. Sebab orang yang *shopping* [membeli-belah] di Mekah, orang Melayu sahaja. Ore lain gi buat ibadat [ibadah]. Ore Melayu ja yang – gi *shopping*.

### (mencelah)

### NFY: Shopping.

NHN: Niat dah – maknanya, nawaitu *shopping* di Mekah dan Madinah. Maknanya niat doh. Maknanya – gitu lah ore royak [cakap]. Terlalu mengikut, terlalu – dia tidak – tidak ada identiti yang kuat. Maknanya dia memerlukan pengaruh daripada luar dan dia menghargai dan tidak menghormati asal usul dia sendiri. Ha. Kalau boleh kecek ore

putih [Bahasa Inggeris], toksey [tidak mahu] kecek Melayu. Orang Melayu kita. Jadi kena jaga lah situ – sebab identiti kita ni banyak, selain daripada bahasa kan? Kita guna bahasa. Bahasa itu melambangkan bangsa. Bahaso [Bahasa]. Bangsa – Bahasa tu melambangkan bangsa. Doh kalau kita kecek ore putih? (menganggukkan kepala mengiyakan.) Maknanya kena ingatlah benda tu. Kita dalam konteks – janganlah – apa dia panggil – men – menjual maruah kita sebagai orang Melayu. Jadi kita macam “heh” [menyindir]. Kalau baru balik dari luar negara, belajar – Dah tak ingat dah kita ni orang Melayu. Jadi kena ingat. Ada satu rumah tu, duduk di *New York* lama sangat, dua puluh lima tahun [25 tahun], tiga puluh tahun [30 tahun], balik buat rumah di Alor Lintang [Besut, Terengganu] sini jah, buat *fireplace* [pendiangan unggun api] Tahu *fireplace*? Musim sejuk hok bakar api, buat are [arang] tu, nok suruh panas rumoh [rumah] – sebab dia terlalu – Kenangan dia di sana tu, wat [buat] balik sini. Tak dok gong. Jadi kita kena faham, mana kita duduk, sape [siapa] dio kita, baru kita boleh – Patutlah seni ukiran ini, dia sebenarnya adalah motivasi kepada bangsa kita sendiri. Dia sebagai penasihat, menasihat kita - sape mu. Itu ukiran, fungsi dia sebenar, bukan comel saja. Comel tu kerana nok suruh kita tengok – dan bila kita tengok, nok suruh kita selidik, nok suruh kita – cari gapo dia benda ni, sebab apa dia comel gini. Hah – maknanya ada rahsia-rahsia disebalik itu. Saya pun boleh kecek gini, kerana ukiran la yang duk ajar kita. Bakpe yang comel gini semuo ni ukiran. Jadi kita cari – mengenal kita ni dari bangsa. Kenapa Allah Ta’ala [SWT], Dia ni Maha Agong, Maha Esa, bakpe [sebab apa] Dia dok buat se [satu] bangsa je? Sene, dok baloh – dok. [Senang, tak bergaduh]. Buat se je bangsa, Arab je semua. Bakpe Dia [Allah SWT] buat? – Supaya kita saling mengenal. Saling kita kenal, kito ni dari bangsa mana, tapi nak menuju ke alam – akhirat. Bila dia buat setiap bangsa, ada lah budaya memasing [masing-masing] – mu *present* [memperkenalkan] budaya mu gini, hok ni budaya mu gini *present*. Jadi gitu. Kata Allah Ta’ala [SWT] nok buat se bangsa Arab, beres tak dok [tiada] masaloh [masalah]. Dia nok suruh kita mengenali antara – bukan nok mengenali hok mu saje, kena kenal hok kita dulu. Gapo [Apa] dia motif bunga ni? Bunga ni adalah apa benda? Gapo bunga ni sebenar? Comel? Satu betul (menunjukkan nombor satu dengan jari penunjuk) - Itu satu asas luaran saja, comel. Tapi ada jugok bunga hok ore buat hudoh. Baik toksey [tak perlu] buat. Dok – Dia motif bunga ukiran tu mesti wajib adalah *make up* [kecantikan]. Kalau kita amik alat *make up* tu kita conteng muka kita, jadi guana [macam mana]? Baik wat [buat[ kosong je. Baik toksey *make up*. Sebab ukiran ini adalah *make up* -adalah hiasan. Nok suruh

koho [semakin] comel. Benda tu kosong, nok suruh jadi comel - tapi bila kita buat – Ada sesetengah pengukir tu buat – teruk jadi. Baik kosong takyoh [tak perlu] buat. Toksoh [tak perlu] buat gapo. Sebab fungsi dia adalah mengindahkan – mencantikkan – hiasan, *make up* – Itu tugas dia. Kalau doh [dah] hodoh, supo waye cino [menyerupai wayang cina] tu bubuh [letak] *make up*, guana? Kita tengok pun takut doh. (gangguan bunyi) – Jaga dan kita perlu – itulah ukiran sebenar. Bukannya ukiran ni amik [ambil] tepek [tampal], “oh comel ukir”. Hok kata gitu tu, hok gong [sombong] jugok la. Hok tok nganji. Oh lawaa ni. Salah.

**AFS: Okey, kita ke soalan seterusnya. Pernah kah – Bagaimana encik menangani masalah sekiranya pelanggan encik tidak berpuas hati dengan hasil kerja encik? Huraikan.**

NHN: Kita jerkah [menengking] la. Dia tak puas hati ni, pelanggan ni dia tidak men- dia tidak boleh menilai dalam konteks penyusunan motif bunga semua dia tok tahu, dia cuma- dia tok puas hati ni kayu retok [retak], kayu crack [retak], kayu tak sama *tone color* [tona warna], kita wak [buat] *finishing* jadi bolok, kita cat tu dia jadi bolok tidak sekata, itu teknik teknikal sahaja, dia tidak berpuas hati, dia tokleh [tidak boleh] nok kata- dok puas hati, bunga ni ukir- olahan dok ralik, dia tak akan faham, yang dia tahu wakpo tok licin, wakpo dok bersih, wakpo yang porah [tidak kemas]- yang porah habis ni—syelek ni, itu dari segi teknikal-teknikal secara luaran sahaja, itu yang tak berpuas hati, ataupun kita buat pintu, kita gi masuk- dok masuk, gapo dio [dia] nyelok [selak pintu] tu dok masuk dalam kayu, jadi tokleh nok lekat hok tu yang dia tak puas hati biaso [biasa], itu dipanggil teknikal. Perkara-perkara teknikal sahaja bukan ukiran itu sendiri. Ukiran kita buat hodoh pun dia tokleh nok kata, dia akan kata lawa, hudoh tu bila tidak bersih. Kalau muka, gak tahi mata, tahi hidung duduk tepek, air liur basi - hok tu, dia gitu teknikal, Kalau kita basuh, cuci molek gak dia okeylah, ye dok. Dia gitu, bukan- bukan dari segi ukiran maksud tadi tu.

**AFS: Okey, seterusnya pada pandangan encik, kenapa bidang pengukiran ni tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat sejagat pada masa ini?**

NHN: Tidak diberi- tidak didedahkan daripada sekolah lagi, sepatutnya dari sekolah rendah tu kena tahu doh, sekolah rendah ni kita ajar benda-benda yang lain, dia tidak kepada tradisi, tapi akhir-akhir ni dia nampak dah, ada dah sekolah ni dia panggil, ada gapo dio— ada satu - pengajian - satu, saya pun baru ni nampak ada dah satu, dia panggil sekolah seni, sekolah seni—

**(mencelah)**

**NFH: Aa ada ( sambil menganggukkan kepala)**

NHN: Tahun tingkatan lima, ada tu hulu keris tu ambil daripada hok saya lah, hulu keris tu digabungkan *sketches* [lakaran] lakaran dengan lukisan dengan hok siap dah. Kita [suara tidak jelas]— jadi dia pilih *design* sayalah. Jadi di situ kita boleh- di situ, kalau ada sekolah ni jadi budak-budak dia tahu dah gapo dio ukiran, secara asas. Dia mengenal, maksudnya peringkat mengenal, gapo dio goning [benda ini] ni orang panggil, gitu [begitu] takpo dah, nanti bila dia jadi tua, pegawai-pegawai kerajaan kekgi [nanti], oh kena bubuh [letak] ukiran ni sebab dia adalah identiti, sekurang-kurangnya dia tahu secara asas, bukan dia pandai ngukir, dia pengetahuan gapo dio benda tadi, supo [serupa] nok royak [bagi tahu] nilah, Gapo dio ukiran, hok duk [sedang] kecek [bercakap] nilah, tok pandai ngukir pun tapi dia tahu, bila dia jadi pegawai besar kekgi, jadi bos, jadi CEO [*Chief Executive Officer*] ke gapo dapat peruntukan dalam bilik ni kena ada identiti Melayu, gapo, ukiran. Dia tidak beli lukisan hok ngaruk ngabe [tidak bermanfaat] tu, jadi makna dia bubuh ukiran, untuk - tujuan untuk nak bagi pendedahan kepada anak muda supaya nanti dia besar kekgi dia akan jadi orang yang berkuasa dalam negara ni dan dia akan boleh bagi, menghidupkan balik seni-seni yang - hok yang lemah, hok yang nak kinyok [pupus] dah.

**NFY: Oh! okey okey.**

**AFS: Okey ni soalan *last* [terakhir] (gangguan bunyi)**

**NFY: Apa dia?**

**AFS: Soalan *last* [terakhir].**

**NFY: Oh okey. Dan soalan terakhir, Mira?**

**AFS: Saya?**

**AFS: Apakah harapan encik kepada kerajaan dalam memartabatkan seni ukiran ini?  
Harapan encik sendiri – kepada kerajaan.**

NHN: Kerajaan tu tukar semace [selalu] nak harape [harapan] guano [macam mana]. Tukar semace, dah nok royak [bagi tahu] ke hok tu , tiba-tiba hok lain pulak ganti. Pah nok gi royak pulak, pah sore-sore [sorang-sorang], Jadi susahlah, jadi gitulah juga kita ni sebagai rakyat Malaysia yang masih menjaga dan mendidik generasi baru untuk mengenal dan sekurang-kurangnya kenal dan kalau boleh sebaik-baiknya jadi seorang penyambung seni, salah satu seni di Malaysia ni ukiranlah, jadi harap kerajaan dapat membantu lebih banyak lagi - ataupun memberi inisiatif apa-apa yang perlu untuk pengukir-pengukir di seluruh Malaysia ni- untuk- sebenarnya dia bukan setakat untuk ngukir sahaja, dia menjana pendapatan, sekurang-kurangnya bidang ni dapat menjadi satu—satu penjana kepada ekonomi negara yang disumbangkan oleh pengukir-pengukir yang ada di seluruh Malaysia ni dan buat satu penyelidikan di mana- buat

penyelidikan kepada pengukir-pengukir yang masih mengusahakan kaedah lama, ukiran ni yang tidak relevan lagi dengan masa sekarang tetapi dalam masa yang sama mereka itu harus di beri pendedahan dan juga- pengetahuan tentang asas-asas tradisi dahulu sebelum mereka meneruskan inovasi, membawa inovasi-inovasi untuk memenuhi pasaran, permintaan daripada dalam negara dan seterusnya ke luar negara, makna kalau kita nak jual ke Itali kena *study* apa Itali nak. Takkaknak buat wakaf pergi Itali, dok. Jadi kita kena *study*, kita ada wakaf nok ata [hantar] gi Itali kot ore Itali nok duduk atas wakaf, orang Itali mana duduk atas wakaf, jadi kena *study* apa keperluan dia, di mana- di Perancis [*France*] apa keperluan dia, dia suka gapo dio, dia suka contoh, dia suka satu macam gelas dia panggil apa tu *glass house* [rumah kaca] macam rumah kaca yang boleh [tidak jelas]- makna kita kena *study* apa kesukaandan keperluan orang sana, Kalau kita nak hantar ke India gapo dio kita nok wak, wakaf bolehlah dia suka pakai kain pelikat duduk selepek atas tu, orang India mungkin dia suka tapi kena *study* juga motif-motif jangan bawa motif bunga kita, kita kena *study* bentuk-bentuk di India tapi mesti kita kena bersaing dengan harga dia tu, yang akhirnya, comey lagu mano pun, harga juga, harga ni adalah *decision* [keputusan] ataupun keputusan yang terakhir , comey tapi mahal, dok soh [tidak perlu] kita ambil hok murah, bila ada- dia panggil apa ni, perbandingan harga tu maka kita kena cari harga yang murah sebab itu kita perlu mesin, kalau kita masih nak mengekalkan kaedah pembuatan secara tradisional kita tak boleh jual, walaupun benda tu cantik, wakpa barang aku buat ni comey tak laku juga, sebab dibandingkan dengan hok tu mungkin empat lima kali ganda harga, kita jual empat ribu [4 ribu], lima ribu [5 ribu] dia jual seribu ja. Nak beli hok mana.

**NFY: Seribu [RM1000].**

NHN: Seribulah, walaupun hok empat ribu tu lawa. Nampak dak, dia begitu.

**NFY: Amira, ada nak tambah apa-apa?**

**AFS: Takde.**

**NFY: Okey.**

**AFS: Sha ada nak tanya ke?**

**NFY: Oh, takde, rasanya semua dah jawab tadi, dah banyak dah dapat. Okey jadi itu untuk bahagian yang terakhir, jadi saya - tutuplah, boleh saya tutup?**

**NFY: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Seni Kreatif Ukiran Kayu bersama Encik Norhaiza Bin Noordin. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang di berikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah dengan diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Seni Kreatif Ukiran Kayu pada penyelidik pada masa akan datang, Sekian terima kasih.**

**NHN: Sama-sama.**

## RALAT

Sewaktu temubual ini dijalankan bersama Encik Norhaiza Bin Noordin terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan. Gangguan tersebut adalah seperti berikut;

- i) Gangguan talian
- ii) Bunyi mikrofon
- iii) Bunyi telefon bimbit tokoh
- iv) Bunyi pintu

## LOG TEMUBUAL

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Norhaiza Bin Nordin, seorang Adiguru dalam seni ukiran kayu.

Log	Perkara	Catatan	Hasil Temubual
00:00:00	Pengenalan	Pengkaji memulakan temubual.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Amira Fazira Binti Shaifudin</li><li>• Nur Farisha Binti Yahya</li></ul>
<b>TEMUBUAL DIJALANKAN</b>			
00:01:05	Latar belakang tokoh	Tokoh menjelaskan latar belakang beliau.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Norhaiza Bin Noordin</li><li>• Berumur 57 tahun</li><li>• Kampung Raja Besut , Terengganu</li></ul>
	Latar pendidikan tokoh	Tokoh menyatakan latar belakang pendidikan beliau.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud</li></ul>
00:03:17	Prinsip Ukiran Kayu	Tokoh menjelaskan secara ringkas mengenai prinsip dan elemen ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Motif-motif asas</li><li>• Biji benih</li><li>• Punca Rahsia</li><li>• Punca Bunga Ibu</li><li>• Simetrik</li><li>• Geometrik</li><li>• Individual</li></ul>
00:07:05	Nama panggilan hobi/ minat	Tokoh menyatakan nama panggilan yang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ja Ukir</li><li>• Kajian sejarah ukiran</li></ul>

		digunakan dan hobi beliau pada waktu lapang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melawat: Muzium, Istana, Masjid lama</li> </ul>
	Pengalaman menuntut ilmu pengukiran kayu	Tokoh menceritakan perjalanan beliau dalam menuntut ilmu seni ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Alor Lintang</li> <li>• Gong Kemuntong</li> <li>• Pantai Air Tawar, Pengkalan Nyirih</li> </ul>
00:08:20	Latar belakang keluarga	Tokoh menjelaskan latar belakang keluarga beliau.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Noordin Bin Mat Tahib</li> <li>•</li> <li>• Che Rohayati Binti Abdullah: USM</li> <li>• Muhammad Othman Bin Norhaiza</li> </ul>
00:19:07	Penglibatan keluarga dalam bidang seni ukir kayu	Tokoh menjelaskan penglibatan ahli keluarga dalam bidang seni ukir kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Galeri</li> <li>• Bengkel</li> <li>• Kampung Raja</li> <li>• Artifak</li> </ul>
00:20:50	Cita-cita pada zaman sekolah	Tokoh menyatakan cita-cita beliau di bangku sekolah yang sama seperti kanak-kanak lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor</li> <li>• Askar</li> <li>• Arkitek</li> <li>• Seni lukis</li> <li>• Sejarah</li> </ul>
00:22:53	Permulaan dalam menceburi bidang seni ukir	Tokoh menjelaskan bagaimana beliau berminat dan mula menceburi bidang seni ukir kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wan Su</li> <li>• Alor Lintang</li> <li>• Bengkel</li> </ul>

00:23:55	Ilmu dan Kemahiran	Tokoh menerangkan mengenai pengalaman beliau mula mengukir.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seniman Ukir</li> <li>• Proses menyurih</li> <li>• <i>Tracing Paper</i></li> </ul>
00:25:05	Guru-guru dalam bidang seni ukiran kayu	Tokoh menyatakan nama guru-guru yang telah mengajar beliau dalam bidang seni ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wan Su (Haji Wan Su Othman)</li> <li>• Wan Mustafa / Wan Po (Wan Mustafa Bin Wan Su)</li> <li>• Haji Tengku Ibrahim Tengku Wook</li> <li>• Latif Bin Long</li> <li>• Nik Rashiddin Nik Hussein</li> </ul>
00:30:22	Menguasai teknik mengukir	Tokoh menyatakan perkara-perkara asas dalam mempelajari teknik mengukir.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekaan</li> <li>• Corak</li> <li>• Motif-motif</li> <li>• Teknikal</li> </ul>
00:31:36	Cabaran mempelajari seni ukiran kayu	Tokoh menerangkan cabaran yang dihadapi di awal penglibatannya dalam bidang seni ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elaun</li> <li>• Bantuan keluarga</li> <li>• Minat</li> </ul>
00:34:59	Hasil karya ukiran pertama	Tokoh menjelaskan tentang hasil ukiran pertamanya dan kepentingan ilmu falsafah dalam seni ukir kayu Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1986-1987</li> <li>• Ilmu falsafah</li> <li>• Kehalusan</li> <li>• Keunikan</li> </ul>

00:37:27	Anugerah Adiguru	Tokoh menjelaskan tentang pengiktirafan yang telah diterima sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni ukir kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Tokoh Kraf Negara (Adiguru)</li> <li>• Karyawan Tamu</li> <li>• Sumbangan kepada negara</li> <li>• Pameran</li> <li>• Che Muhamimin Hasbullah</li> <li>• Setiausaha Agong Persatuan Seni Ukiran Melayu Malaysia (PENGUKIR)</li> </ul>
00:40:14	Penglibatan golongan muda dalam bidang bidang seni ukiran kayu.	Tokoh memberikan pandangan beliau terhadap penglibatan golongan muda dalam bidang seni ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan</li> <li>• Pendapatan</li> <li>• Ekonomi</li> <li>• Melakukan penelitian dengan lebih mendalam</li> <li>• Strategi</li> </ul>
00:40:20	Penglibatan Kerajaan/ Institusi	Tokoh menyatakan penglibatan agensi kerajaan dan institusi yang membantu industri seni ukir kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOTAC (<i>Ministry of Tourism, Art and Culture</i>),</li> <li>• Songket, Batik, Seramik, Anyaman, Ukiran dan Logam</li> <li>• Malaysia Timber Board (Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi),</li> <li>• Institut Pengajian Tinggi (IPT)</li> </ul>

00: 50:28	Seni ukiran sebagai terapi	Tokoh menjelaskan kelebihan seni ukir sebagai satu terapi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berinteraksi</li> <li>• Perasaan</li> <li>• Hiasan</li> <li>• Nilai Jiwa</li> </ul>
00:56:29	Nilai falsafah yang dipegang	Tokoh menceritakan dan menyatakan nilai ilmu falsafah yang dipegang dalam menghasilkan karya ukiran kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman</li> <li>• Ilmu sedia ada</li> <li>• Agama</li> <li>• Melayu</li> <li>• Turun temurun</li> <li>• Pengolahan motif asal</li> </ul>
01:01:04	Penyelidikan baru	Tokoh menceritakan kajian yang telah dibuat oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ukiran cop Telepuk</li> <li>• Seni Iluminasi Al-Quran</li> <li>• Seni Persuratan Melayu</li> </ul>
01:06:36	Sokongan sebagai YDP Pengukir	Tokoh menjelaskan tentang peranan pusat agensi kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Latihan Agensi Kerajaan</li> <li>• Mentor Program Yayasan Sultan Mizan</li> </ul>
01:13:51	Matlamat sebagai YDP Pengukir	Tokoh menjelaskan tentang peranan sebagai seorang YDP Pengukir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan YDP Pengukir</li> <li>• Mengutarakan pendapat ke agensi kerajaan</li> <li>• Memohon kebajikan dari agensi kerajaan</li> </ul>
01:21:27	Alatan mengukir	Tokoh menerangkan secara terperinci mengenai alatan mengukir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pisau Wali</li> <li>• Pahat</li> </ul>

01:27:31	Penjagaan alatan	Tokoh menceritakan tentang penjagaan alatan dengan baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut kehendak design</li> </ul>
01:28:29	Pemilihan kayu	Tokoh menjelaskan tentang pemilihan kayu bagi seni ukiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan kayu</li> </ul>
01:29:21	Sumber kayu	Tokoh menerangkan tentang negeri yang mempunyai sumber kayu yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terengganu</li> <li>• Perak</li> <li>• Pahang</li> </ul>
01:29:48	Penjagaan kayu	Tokoh menjelaskan cara penjagaan kayu yang betul	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ukiran dalam rumah</li> <li>• Ukiran <i>outdoor</i></li> <li>• Bahan pelindung kayu</li> </ul>
01:31:03	Motif Ukiran	Tokoh menjelaskan tentang motif ukiran kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut saiz kayu</li> <li>• Mengikut permintaan pelanggan</li> </ul>
01:32:31	Seni Ukiran Berkualiti	Tokoh menceritakan tentang ciri-ciri seni ukir yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengukir ternama</li> <li>• Ciri-ciri seorang pengukir</li> </ul>
01:33:47	Perubahan nilai estetik	Tokoh memberikan pendapat beliau mengenai perubahan nilai estetik kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Commercial value</i></li> <li>• Menjaga identity</li> <li>• Menjana pendapatan</li> </ul>
01:37:25	Penyimpanan Peralatan	Tokoh menjelaskan tentang penyimpanan peralatan yang betul	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyimpanan dalam suhu bilik</li> <li>• <i>Air ventilation</i></li> </ul>

01:38:32	Pemilihan motif kayu	Tokoh menjelaskan tentang saiz kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut saiz kayu</li> </ul>
01:40:08	Motif pilihan	Tokoh menjelaskan tentang motif pilihan para pengukir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergantung kepada aliran pengukir</li> </ul>
01:41:41	Teknik pengukiran	Tokoh menerangkan tentang teknik pengukiran kayu yang betul	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseimbangan <i>design</i></li> <li>• Penyusunan motif</li> <li>• Cara dan gaya pengukiran</li> </ul>
01:43:17	Perbezaan seni Tradisi dan Kontemporari	Tokoh menjelaskan perbezaan seni Ukir Melayu tradisi dan seni Ukir Melayu Kontemporari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simetri</li> <li>• Penyusunan elemen</li> <li>• Asas tradisi</li> </ul>
01:46:24	Pengadaptasian unsur	Tokoh menyatakan pengadaptasian unsur dalam seni ukiran kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan motif semasa</li> <li>• Penggabungan asas tradisi</li> <li>• Ukiran Kontemporari</li> </ul>
01:51:24	Ukiran ternama	Tokoh menjelaskan bahawa ukiran adalah simbol kepada sesuatu bangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simbol dan identiti bangsa</li> <li>• Motif tempatan</li> <li>• Prinsip mengukir</li> </ul>
01:55:04	Perbezaan seni	Tokoh menerangkan tentang perbezaan seni ukiran Melayu dengan seni ukiran negara lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengaruh luar</li> <li>• Pendedahan budaya</li> <li>• Menjaga identiti bangsa</li> </ul>

02:02:14	<i>Feedback pelanggan</i>	Tokoh menjelaskan masalah teknikal dalam seni ukiran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Masalah teknikal luaran</li></ul>
02:04:11	Sambutan masyarakat	Tokoh menceritakan sambutan masyarakat terhadap seni ukiran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendedahan awal</li></ul>
02:06:28	Harapan kepada kerajaan	Tokoh memberikan pandangan dan harapannya kepada kerajaan dan masyarakat sejagat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sokongan Pengukir</li><li>• Keperluan masyarakat</li></ul>

## RINGKASAN

Tujuan temubual ini adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang Seni Ukiran Kayu melalui Encik Norhaiza Noordin yang merupakan salah seorang tokoh Adiguru dalam bidang seni Kraf Ukiran Halus. Temubual ini dijalankan pada 18 Disember 2020 pada jam 3:30 petang melalui aplikasi *Google Meet*. Beliau telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan sesi temubual ini yang berlangsung selama 2 jam 15 minit. Temubual ini telah dijalankan oleh dua orang pelajar iaitu Amira Fazira Binti Shaifuddin dan Nur Farisha Binti Yahya. Soalan-soalan yang diketengahkan sepanjang sesi temubual adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan asas dalam seni ukiran kayu, perbezaan seni ukiran kayu tradisional dan kontemporari, cabaran dalam bidang tersebut serta perbezaan nilai estetika seni ukiran kayu pada masa kini dan akan datang.

Encik Norhaiza Noordin dilahirkan pada 20 Februari 1963 yang kini berumur 57 tahun, menetap di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Beliau mendapat Pendidikan awal di Sekolah Menengah Tengku Mahmud pada tahun 1980 dengan segulung Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau merupakan anak sulung daripada 12 orang adik beradik. Pada tahun 2001, beliau telah mendirikan rumah tangga bersama isterinya, Che Rohayati Binti Abdullah yang berasal dari Kuala Besut dan telah dikurniakan dua orang cahaya mata. Pn Che Rohayati merupakan seorang bekas pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum beliau bekerja sepenuh masa menjaga galeri milik suaminya di Kampung Raja.

Encik Norhaiza Noordin telah mencebur ke dalam bidang seni ukiran kayu ini sejak di bangku sekolah lagi. Beliau mula memandang serius dalam bidang pengukiran ini bermula pada tahun 1984 dengan menjadi salah seorang pekerja di sebuah bengkel seorang pengukir tersohor negara, Allahyarham Wan Su Othman, yang juga merupakan seorang Adiguru Kraf Ukiran Kayu. Bengkel tersebut terletak di Alor Lintang, Besut, Terengganu. Dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman beliau dalam bidang pengukiran ini, Encik Norhaiza Noordin telah banyak melakukan penyelidikan dengan merantau ke negara-negara luar seperti Patani di Selatan Thailand, Sulawesi dan Eropah untuk mengkaji motif-motif ukiran mereka dengan lebih mendalam.

Beliau menuntut ilmu dan kemahiran dalam bidang seni ukiran ini melalui beberapa orang guru yang berada di sekitar Kampung Raja iaitu tempat kelahiran beliau sendiri. Guru pertama beliau adalah seorang Seniman Negara iaitu Allahyarham Wan Su Othman yang diikuti oleh anaknya, Allahyarham Wan Mustafa Wan Su yang juga merupakan seorang tokoh Adiguru dalam Kraf Ukiran Kayu. Malahan, beliau juga mempelajari seni ukiran halus seperti ulu keris dan senjata tradisional Melayu bersama Allahyarham Tengku Ibrahim Tengku Wok, seorang Tokoh Seni Negara pada tahun 1998. Selain itu, beliau sempat menuntut ilmu bersama-sama Allahyarham Tengku Ibrahim dengan Allahyarham Latif Long di Kelantan. Akhir sekali, beliau telah mempelajari ilmu falsafah seni ukir Melayu bersama Allahyarham Nik Rashidin Nik Hussein di Kampung Langgar, Kota Bharu, Kelantan selama 10 tahun.

Berkat usaha dan kegigihan beliau dalam memartabatkan kembali seni ukiran kayu ini, pada tahun 2011 beliau telah dianugerakan gelaran Adiguru oleh Kerajaan Malaysia. Anugerah ini diberikan apabila mereka telah menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti memainkan peranan penting dalam dalam usaha memulihara dan memelihara seni kraf warisan, bersungguh-sungguh menurunkan kemahiran kepada pelapis generasi baru, kreatif dan inovatif dalam usaha memajukan dan meningkatkan kualiti produk kraf yang dihasilkan.

Selain daripada itu, Yayasan Diraja Sultan Mizan telah mempertanggungjawabkan Encik Norhaiza Noordin sebagai mentor Ukiran Kayu pada tahun 2009. Pada tahun tersebut juga, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah menganugerahkan beliau Anugerah Usahawan Kraf IKS. Pada tahun 2010, Encik Norhaiza Noordin telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab sebagai Yang Dipertua Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR). Malah, beliau juga telah dilantik sebagai Residen Adiguru Kraf (Ukir Kayu) di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia. Pada 17 Oktober 2018, beliau telah mendapat pengiktirafan tertinggi iaitu sebagai Warisan Kebangsaan Orang Hidup oleh Kerajaan Malaysia. Bukan itu sahaja, beliau telah dinobatkan sebagai salah seorang ahli BPH – British Publishing House LTD, sebagai *Successful People in Malaysia* pada 30 April 2020.

Di samping itu, sebagai seorang tokoh Adiguru yang masih bergiat aktif dalam mempromosikan warisan seni ukir kayu di dalam mahupun luar negara, semoga usaha dan hasil karya Encik Norhaiza Noordin yang mempunyai nilai falsafah yang tinggi akan lebih dihargai dan diingati terutama oleh masyarakat tempatan dan golongan muda di negara kita. Akhir sekali, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada orang ramai dan dapat digunakan sebaik mungkin sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

## KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat disimpulkan hasil daripada temubual yang telah dijalankan bersama Encik Norhaiza Noordin, kami telah memperolehi pelbagai pengetahuan baharu yang bukan sahaja merangkumi aspek sejarah lisan, malahan pemahaman kami terhadap pentingnya seni ukiran kayu sebagai warisan tunggal di Malaysia. Melalui kajian ini, kita dapat simpulkan bahawa kajian lisan penting dalam memastikan sejarah dan tinggalan warisan nenek moyang kita masih kekal untuk diceritakan kembali kepada generasi yang akan datang. Selain itu, kami telah mendapat banyak ilmu baharu yang lebih terperinci mengenai peranan seni Ukiran Kayu Melayu terhadap sesebuah masyarakat melalui sesi temubual yang dijalankan bersama tokoh.

Rentetan daripada itu, Seni Ukiran Kayu memainkan peranan sebagai satu simbolik atau identiti sesebuah bangsa. Oleh yang demikian, Encik Norhaiza Noordin telah berusaha untuk mengekalkan identiti seni Ukiran Kayu Melayu dengan sentiasa mengingatkan anak-anak didiknya tentang kepentingan identiti yang dipamerkan dalam seni ukiran tersebut. Segala pandangan dan nasihat yang ditinggalkan oleh Encik Norhaiza Noordin sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni Ukiran Kayu diharapkan dapat membantu pengukir muda supaya tidak berputus asa dalam menghasilkan karya ukiran yang berkualiti. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga telah bersama-sama mengembangkan tenaga dalam memastikan warisan ini terus kekal diperlakukan dalam masyarakat setempat kerana seni ukiran kayu ini pernah menjadi satu fenomena besar suatu ketika dahulu.

**DIARI PENYELIDIKAN**

<b>NO</b>	<b>TARIKH/MASA</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
1.	15.10.2020	Mula membuat penyelidikan: I. Membentuk kumpulan (2 orang) II. Mencari tajuk khusus	
2.	20.10.2020	Mendapat beberapa maklumat mengenai tokoh	
3.	21.10.2020	Mula menghubungi tokoh-tokoh yang berpotensi untuk di temubual.	
4.	27.10.2020	Penukaran tema/ tajuk penyelidikan iaitu Warisan dan Kebudayaan	
5.	29.10.2020	Mula membuat penyelidikan dari semasa ke semasa mengenai tokoh yang berkaitan	
6.	30.10.2020	Menjumpai maklumat terkini mengenai tokoh yang berpotensi untuk di temubual	
7.	31.10.2020	Menghubungi tokoh melalui media sosial seperti Facebook, Whatsapp dan Instagram	
8.	01.11.2020	Menghubungi tokoh melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram	
9.	02.11.2020	Mendapat persetujuan daripada pensyarah mengenai pemilihan tokoh yang dibuat	
10.	05.11.2020	Mendapat respon daripada tokoh yang dipilih	
11.	08.11.2020	Membuat draf proposal kajian	

12.	09.11.2020	Menghubungi tokoh semula untuk mendapatkan kepastian maklumat samada menepati kriteria ataupun tidak.	
13.	12.11.2020	Menghubungi tokoh dan membuat perbincangan bersama pensyarah mengenai persiapan sebelum temubual dijalankan	
14.	13.11.2020	Membuat surat penyelidikan serta mengadakan perbincangan bersama pensyarah mengenai soalan-soalan untuk sesi temubual yang akan dijalankan	
15.	17.11.2020	Menghantar surat penyelidikan dan surat persetujuan kepada tokoh melalui WhatsApp	
16.	20.11.2020	Temubual awal bersama tokoh dijalankan pada jam 3:30 petang hingga 4:30 petang melalui aplikasi <i>Google Meet</i>	
17.	25.11.2020	Membuat perbincangan maklumat bersama pensyarah mengenai temubual awal yang telah dijalankan	
18.	08.12.2020	Menghubungi semula tokoh untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci untuk sesi temubual kedua yang akan datang	
19.	10.12.2020	Mendapatkan maklum balas daripada tokoh mengenai surat perjanjian yang diberikan sebelum ini	

20.	15.12.2020	Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh dan waktu temubual yang ingin dijalankan	
21	18.12.2020	Temubual dijalankan	
22	24.12.2020	Memulakan transkripsi teks temubual bersama tokoh	
23	02.01.2021	Perbincangan bersama pensyarah mengenai format transkrip	
24	05.01.2021	Perbincangan bersama pensyarah mengenai artikel berkaitan dengan bidang yang diceburi oleh tokoh	
25.	07.01.2021	Pemilihan tajuk bagi artikel yang akan diterbitkan pada April 2021	
26	17.01.2021	Membuat perbincangan bersama pensyarah mengenai artikel yang telah dibuat	
27	18.01.2021	Menyiapkan transkrip temubual secara lengkap	
28	19.01.2021	Menyiapkan artikel mengenai ukiran dan mendapat <i>approval</i> daripada pensyarah	
29	22.01.2021	Menghubungi <i>supervisor</i> untuk menyemak artikel yang telah disiapkan	
30	25.01.2021	Artikel telah disemak oleh <i>supervisor</i> dan telah membuat penambahbaikan	
31	26.01.2021	Membuat perbincangan terakhir bersama pensyarah mengenai format transkrip temubual	

32	28.01.2021	Menghantar <i>softcopy</i> transkrip temubual dan audio kepada pensyarah	
33	30.01.2021	Menyiapkan video ringkas mengenai seni ukiran dan temubual yang telah dijalankan	
33	31.02.2021	Membuat salinan hardcopy transkrip temubual di kedai	

## GLOSARI

<b>Adiguru</b>	- pengiktirafan daripada kerajaan sebagai seorang tokoh berpengalaman dan berkemahiran tinggi
<b>Falsafah</b>	- pengetahuan dan pemikiran tentang sesuatu perkara dalam satu bidang khusus
<b>Identiti</b>	- jati diri, aspek yang menunjukkan sifat seseorang
<b>Kontemporari</b>	- pada masa kini, semasa,
<b>Motif</b>	- corak, tema
<b>Pahat</b>	- alat daripada bilah besi yang tajam hujungnya, digunakan untuk menebuk lubang atau mengukir
<b>Pengukir</b>	- orang yang mahir mengukir menggunakan alat pengukir
<b>Penyelidikan</b>	- kaedah mencari dan mengumpul maklumat dengan lebih lanjut
<b>Telepuk</b>	- corak bunga bungaan pada kain
<b>Ukirian</b>	- hasil daripada aktiviti mengukir kayu
<b>Warkah</b>	- surat, isi surat

## INDEKS

### A

Adiguru 10, 16, 19, 20, 56, 59, 60, 65

### P

Persatuan PENGUKIR 10, 27, 60, 66

Program Yayasan Sultan Mizan 28

### B

Besut 7, 10, 13, 21, 28, 44, 59

### T

E 60 Tengku Ibrahim Tengku Wok 10, 16, 17, 25,

Elemen 2, 38, 40, 59

Terengganu 5, 6, 7, 10, 26, 27, 28, 32, 44, 57, 59

Tradisional 2, 8, 22, 38, 39, 40, 48, 59

### F

Falsafah 11, 17, 18, 24, 25, 55, 56

### N

Nilai Estetika 2, 8, 34, 59

### K

Kontemporari 2, 8, 38, 39, 40

Nik Rashidin 10, 16, 17, 25, 60

### W

### L

Latif Long 10, 16

Wan Su Othman 10, 11, 15, 16, 55, 59, 60

Wan Mustafa 16, 55, 60

**PROPOSAL**



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR**

**KAMPUS PUNCAK PERDANA**

**SHAH ALAM**

**BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) IM246**

**IMR604: ORAL DOCUMENTATION**

**PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN**

**TAJUK: KEBUDAYAAN DAN WARISAN (UKIRAN KAYU)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

AMIRA FAZIRA BINTI SHAIFUDDIN	(2018285884)
NUR FARISHA BINTI YAHYA	(2018276666)

**PENSYARAH:**

**SIR JAFALIZAN BIN MD JALI**

**TARIKH:**

**20 JANUARI 2021**

### Isi Kandungan

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<p>1.0 PENGENALAN</p> <p>    1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN</p> <p>    1.2 PERMASALAHAN KAJIAN</p> <p>    1.3 OBJEKTIF KAJIAN</p> <p>    1.4 PERSOALAN KAJIAN</p> <p>    1.5 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN</p> <p>2.0 TINJAUAN LITERATUR</p> <p>3.0 METODOLOGI</p> <p>    3.1 PENDEKATAN KAJIAN</p> <p>    3.2 PESERTA KAJIAN</p> <p>    3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA</p> <p>        3.3.1 TEMUBUAL MENDALAM</p> <p>        3.3.2 PEMERHATIAN</p> <p>        3.3.3 RAKAMAN VIDEO/AUDIO</p> <p>        3.3.4 TRANSKRIPSI TEKS</p> <p>    3.4 CARTA GANTT PROJEK</p> <p>4.0 RUMUSAN</p>	

## 1.0 PENGENALAN

Seni Ukiran adalah bentuk seni yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut (Syed Ahmal Jamal,1992) seni ukiran adalah satu cabang seni rupa yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman berzaman lagi. Sejarah ukiran kayu yang unik telah banyak tercatat dalam catatan sejarah sejak 500 tahun dahulu dan ia dapat dilihat dengan keindahan seni ukiran yang diterapkan pada peninggalan istana-istana lama, peralatan dapur serta alat pertahanan diri seperti keris. Sebagai contohnya, Istana Tengku Long di Kampung Raja Besut, Terengganu masih utuh dengan seni bina ukirannya. Bukan itu sahaja, seni ukiran kayu kebanyakannya dihasilkan di Terengganu menjadikan Negeri Terengganu sebagai negara yang kaya dengan warisan khazanah seni kraf Melayu di Malaysia.

Menurut (Norhaiza Noordin,2020) seorang tokoh Adiguru Negara mengatakan bahawa seni Ukiran kayu ini adalah identiti atau simbolik bagi sesuatu bangsa. Dengan erti kata lain, seni Ukiran yang terpahat di kayu tersebut melambangkan budaya dan kesenian sesuatu bangsa tersebut. Sebagai analoginya, kehalusan motif-motif kaligrafi yang menggunakan huruf Arab dan tulisan jawi di anjung serta pintu besar istana terdahulu menunjukkan pertembungan budaya antara negara Arab dengan masyarakat tempatan.

Kaedah pembuatan ukiran kayu ini dapat dilaksanakan dengan berpandukan teknik-teknik tersendiri. Pemilihan dan penggunaan teknik bergantung kepada kebolehan serta kemahiran pengukir kayu tersebut. Terdapat lima elemen utama dalam seni ukiran Melayu termasuklah punca, bunga, batang, daun dan buah. Seiring dengan arus pemodenan yang kian maju, seni ukir juga tidak ketinggalan dalam mengejar arus pemodenan yang kian pesat membangun ini. Hal ini dapat dilihat apabila para pengukir berusaha menghasilkan karya-karya ukiran yang mengikuti perkembangan semasa tanpa menghilangkan asas-asas tradisi ukiran kayu. Mereka berusaha untuk menghasilkan karya ukiran mengikut citarasa serta kehendak daripada pasaran semasa.

Secara amnya, masyarakat tempatan mengetahui tentang kewujudan seni ukiran kayu ini, namun masih ada segelintir yang tidak mengenali warisan seni ukiran kayu Melayu ini. Ukiran kayu berpotensi tinggi untuk terus menjadi pilihan masyarakat setempat kerana ia mempunyai kebolehan dalam mengubah mengikut permintaan masyarakat setempat samada ingin kehalusan seni Ukir Melayu Tradisional mahupun seni Ukir Melayu Kontemporari. Kedua-dua seni mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri yang mampu menarik lebih ramai orang untuk memiliki hasil karya ukiran kayu ini.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Ukiran Kayu adalah salah satu seni kraftangan yang menjadi pilihan masyarakat terdahulu dalam menjana pendapatan mereka. Hal ini dapat dibuktikan apabila kemahiran seni ukir masih diwarisi oleh masyarakat setempat. Sebagai contoh, kemahiran mengukir Allahyarham Wan Su Othman diwarisi oleh anaknya sendiri, Allahyarham Wan Mustapha. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti individu yang telah menceburkan diri dalam bidang pengukiran kayu ini selama lebih 10 tahun malah untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai teknik-teknik pengukiran kayu yang digunakan oleh pengukir pada masa kini.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih terperinci tentang elemen-elemen penting dalam yang digunakan dalam penghasilan dan pengukiran seni kreatif ukir kayu Melayu. Hal ini demikian kerana seni ukiran kayu di Malaysia sudah banyak menerima pengaruh ataupun pengadaptasian elemen-elemen dari masyarakat luar seperti dari Indonesia, Thailand atau dari negara Timur Tengah. Pengadaptasian elemen-elemen ini bukan sahaja boleh menjelaskan keaslian dan keunikan seni ukiran kayu Melayu tetapi turut memberi kesan kepada jati diri masyarakat Melayu.

Permasalahan lain yang turut dikaji adalah tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengukir kayu tempatan dalam mengekalkan kesenian ukiran kayu ini selaras dengan nilai-nilai komersial dan permintaan masyarakat setempat. Pengukir tempatan bukan sahaja bersaing sesama mereka tetapi mereka turut bersaing dengan pengukir-pengukur dari luar yang menjual hasil ukiran mereka di Malaysia dengan harga yang lebih rendah. Hal ini menyebabkan ukiran tempatan tidak mendapat sambutan walaupun ia mempunyai nilai kesenian yang lebih tinggi dan berkualiti.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menyempurnakan kajian ini penyelidik telah menyediakan beberapa objektif kajian yang bersesuai dengan tajuk untuk membantu proses kajian ini dijalankan.

- I. **Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti elemen atau asas-asas dalam seni ukiran Kayu Melayu yang harus dipraktikkan dalam kalangan pengukir tempatan.**  
Elemen atau asas-asas seni ukiran kayu ini merupakan pengetahuan asas yang perlu diketahui oleh semua pengukir seperti peralatan yang digunakan, motif, corak dan pola dalam seni ukiran kayu.
- II. **Objektif kedua adalah untuk mengkaji dan mengetahui teknik penghasilan ukiran kayu yang betul supaya dapat menghasilkan sebuah ukiran yang kemas dan cantik.**  
Penghasilan karya ukiran kayu yang kemas dan cantik merupakan motif utama para pengukir untuk menarik minat masyarakat setempat terhadap seni Ukiran Kayu Melayu ini.
- III. **Objektif ketiga adalah untuk mengetahui perbezaan antara seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari.**  
Kedua-dua ukiran kayu ini bukan sahaja mempunyai elemen dan unsur yang berbeza, namun ianya juga memberi impak yang berbeza kepada mereka yang melihat dan menghayati kehalusan seninya. Namun begitu, masih ramai yang tidak tahu akan perbezaan seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari.
- IV. **Objektif keempat adalah untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengukir dalam bidang seni ukiran kayu ini.**  
Umum mengetahui bahawa bidang ukiran kayu ini bukanlah satu bidang yang boleh dibawa oleh semua orang. Hal ini kerana bidang seni ukiran kayu ini memerlukan minat yang mendalam dan kesungguhan yang tinggi untuk mencapai tahap sebagai seorang pengukir yang mahir. Cabaran ini bukan sahaja datang daripada pesaingan antara pengukir tempatan malah mereka juga turut bersaing dengan pengukir negara luar yang turut menghasilkan ukiran kayu ini. Di samping itu, reaksi masyarakat terhadap bidang ini juga turut menjadi cabaran kepada para pengukir dalam mengembangkan ukiran mereka.

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengumpul maklumat bagi membantu pengkaji untuk menjawab beberapa persoalan yang timbul. Persoalan pertama adalah untuk mengetahui nilai falsafah yang dipegang oleh para pengukir dalam mengangkat semula warisan seni Ukiran Kayu Melayu dalam kalangan masyarakat. Setiap penghasilan karya ukiran kayu adalah berbeza kerana pengukir mempunyai pandangan serta kreativiti yang tersendiri dalam mencorakkan panel kayu tersebut. Tambahan pula, nilai falsafah ini boleh berubah mengikut tahap kefahaman mereka dalam bidang pengukiran ini.

Seterusnya, pengkaji juga ingin mengetahui dengan lebih terperinci mengenai perbezaan antara seni Ukiran Melayu Tradisional dan seni Ukiran Melayu Kontemporari. Jika dilihat melalui pandangan mata kasar, kedua-dua ukiran ini kelihatan serupa kerana ia merupakan sejenis ukiran kayu yang cantik dan indah apabila dipandang. Namun begitu, ramai yang tidak mengetahui bahawa kedua-dua ukiran mempunyai perbezaan dari segi pemilihan corak, elemen dan kehalusan pembuatannya.

Selain itu, untuk mengetahui bagaimanakah seni ukiran kayu ini melambangkan identiti kepada sesuatu bangsa. Menurut tokoh, ukiran kayu yang dihasilkan oleh pengukir kebiasaannya akan dipengaruhi oleh latar belakang, adat dan agama mereka. Oleh itu, bahagian ini akan mencungkil dengan lebih mendalam tentang pengaruh latar belakang sesebuah masyarakat dalam menghasilkan seni ukiran kayu ini.

Persoalan terakhir adalah untuk mengetahui samada seni Ukiran Kayu Melayu kita akan mengalami perubahan nilai estetikanya pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan perkembangan media sosial pada masa ini telah memudahkan masyarakat kita untuk mempelajari ilmu tentang budaya-budaya luar. Justeru itu, ianya tidak mustahil bagi pengukir-pengukir muda untuk mengambil, mengolah dan mengubah nilai estetika ukiran bersesuaian dengan arus semasa.

## 1.5 KEPENTINGAN DAN SUMBER KAJIAN

Jika diteliti dengan lebih mendalam, sumbangan kajian ini amatlah meluas kerana ia merangkumi seluruh peringkat termasuklah dapat mengangkat martabat seni ukiran kayu di Malaysia serta di persada dunia. Malahan, kajian ini memberikan pendedahan kepada golongan muda supaya lebih ramai berminat untuk berkecimpung dalam seni pengukiran kayu sekaligus mewarisi kebolehan dan kemahiran dalam mengukir ukiran Melayu samada dalam ukiran Tradisional mahupun Kontemporari. Tambahan pula, kajian ini juga menunjukkan bahawa seni pengukiran kayu ini mampu membantu masyarakat serumpun dalam menjana pendapatan mereka demi kelangsungan hidup. Kajian ini membuktikan bahawa kemahiran mengukir kayu sebenarnya dapat membantu secara langsung dalam memajukan industri kayu dan pengukiran kayu ke peringkat pasaran tempatan dan antarabangsa.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### Definisi Seni Ukiran Kayu

Menurut (Kamus Dewan, 1989), pengertian seni boleh didefinisikan kepada dua makna iaitu dari segi bahasa, seni bermaksud halus, nipis dan elok. Manakala dalam bentuk karya seperti muzik dan lukisan, seni membawa makna kepada kemahiran atau kepandaian seseorang individu dalam mencipta sesuatu yang luar biasa. Oleh itu, kesenian ini merupakan aktiviti yang berhubung kait dengan kehalusan, seni, keindahan, nilai yang berguna serta bermanfaat kepada manusia.

Seni Ukiran kayu pula adalah salah satu bidang seni Islam yang terkenal sejak dahulu lagi. Kehalusannya menunjukkan betapa halus dan tingginya kemahiran seseorang pengukir itu dalam mencorakkan motif dan corak di papan kayu. Berdasarkan (Norhaiza Noordin, 2009), ekspresi yang ditonjolkan melalui karya ukiran itu menunjukkan watak serta budaya masyarakat Melayu. Hal ini dapat di jelaskan lagi apabila seni ukiran yang diterapkan pada ukiran sebenarnya melambangkan jati diri masyarakat Melayu.

Seni ukiran kayu adalah proses sekeping kayu rata diukir menggunakan motif-motif tertentu sehingga menampakkan sebuah ilusi bentuk tiga dimensi. Proses ukirannya bermula dengan reka bentuk daripada imaginasi si pengukir sendiri. Reka bentuk dipadankan dengan sebuah kayu sebelum di bentangkan pada kertas surih. Setelah dipindahkan ke kayu, reka bentuk diminimumkan mengikut kesesuaian saiz kayu. Hal yang demikian kerana pengukir perlu menentukan setiap potongan seperti kedalaman potongan supaya ia menghasilkan corak dan motif yang di inginkan. Dengan menggunakan pelbagai alat dan teknik, pengukir berjaya membawa reka bentuk kehidupan (Fortuna, 2019).

Meskipun seni ukiran kayu ini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu, namun kerana sifat fizikal kayu itu sendiri yang tidak mampu bertahan lama menyebabkan tinggalan seni ukiran kayu yang lama jarang ditemui. Namun begitu, ianya tidaklah mustahil kerana terbukti lah ukiran pada hulu keris, masjid dan istana lama boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengukir-pengukir dalam mempelajari seni ukiran kayu tradisional. Hal ini telah membuktikan bahawa untuk menghasilkan sebuah ukiran tradisional, nilai-nilai tradisi daripada aspek visual dan *non-visual* memainkan peranan penting kerana ia tidak bergantung kepada bahan maupun teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya tersebut.

Selain itu, seni ukiran kayu juga merupakan pentas untuk para pengukir mengekspresikan nilai-nilai dan keperibadian mereka dalam karya mereka. Hal ini dapat dilihat melalui aspek kontemporer atau maksud tersirat di sebalik motif ukiran yang dihasilkan oleh pengukir. Menurut Abdullah Muhammad (Nakula) yang telah menterjemahkan maksud di sebalik ukiran-ukiran kayu itu kepada bahasa-bahasa indah yang boleh digambarkan oleh masyarakat sekarang. Beliau menggunakan latar belakang sosio budaya masyarakat sebagai panduan untuk menyampaikan ekspresi seni ukiran kayu tradisional itu dalam bentuk bahasa yang lebih indah dan mudah. (Izani Mat)

### **Seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan**

Tokoh merupakan nadi dalam menggerakkan dan mengembangkan aktiviti pengukiran dalam kalangan masyarakat. Malah, tokoh jugalah yang memberikan sokongan kepada penggiat seni yang menceburkan diri dalam seni pengukiran ini agar tidak berputus asa dalam menghasilkan ukiran kayu yang berkualiti, kemas dan cantik. Ini adalah seni Ukir Kayu melalui perspektif sumber lisan di Malaysia.

Mengikut (Norhaiza Nordin, 2009), keindahan ukiran bergantung kepada olahan, gaya dan teknik mengukir sesebuah karya itu. Teknik ukiran memerlukan ketajaman minda untuk mengolah dan membuat penyusunan motif yang menarik di samping mempunyai kemahiran dan kebolehan tangan untuk memahat dan menyobek kayu menjadi ukiran.”

Selain itu, menyatakan (Abdul Halim Nasir, 1987) bahawa kesenian ukiran diibaratkan sebagai bukti kepada kegemilangan kraf tangan apabila ia diangkat sebagai simbol kepada sesebuah pemerintahan. Hal ini dapat dilihat apabila status raja pemerintahan itu bergantung kepada penerapan seni di istananya. Semakin kurang seni ukiran di istana, maka ia dianggap sebagai tidak bersedia untuk memikul gelaran raja dengan sempurna. Malahan, statusnya juga dianggap lebih rendah daripada raja yang mempunyai istana dengan seni ukir yang lebih gah.

Di samping itu, merujuk kepada coretan (M. Quraish Shihab, 1996), seni adalah satu keindahan alam di mana ia mengekspresikan sisi terdalam manusia yang didorong dengan keindahan anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya.

### **Cabaran dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu**

Memetik dari akhbar Metro *online*, (Ruwaida Baharudin, 2018) mengatakan bahawa permintaan kepada perabot yang berukiran Melayu semakin kurang menggalakkan malah hanya meningkat pada musim tertentu sahaja.

Bukan itu sahaja, ada segelintir masyarakat beranggapan bahawa hasil perabot atau produk yang berasaskan ukiran kayu ini hanyalah untuk cita rasa orang lama sahaja. Dengan kemudahan perabot pasang siap atau dikenali sebagai *Do-It-Yourself (DIY)* menjadikan permintaan perabot berukir ini semakin merosot.

Malahan, menurut coretan akhbar (Azizul Ahmad, 2018) dalam *freemalaysiatoday.com*, kekurangan tenaga kerja dalam mengukir ini menyebabkan pengeluaran kraf kayunya agak terhad. Hal yang demikian kerana, pengukir itu akan mengambil tempoh yang agak lama untuk menyiapkan ukiran yang ditempah disebabkan oleh kekangan pengukir-pengukir muda yang mempunyai kemahiran mengukir yang sama dengannya.

### **Langkah-langkah dalam memartabatkan Seni Ukiran Kayu Melayu**

Rentetan daripada itu, menurut (Ruwaida Baharudin, 2018) beliau memilih untuk menggunakan kayu jelutong sebagai kayu panelnya kerana kosnya yang murah berbanding kayu berkualiti yang lain seperti kayu Cengal, Merbau dan Jati agar semua golongan dapat memiliki hasil karya ukiran Melayu ini.

Malahan juga, mengatakan (Azizul Ahmad, 2018) berharap agar lebih ramai yang mencebur入 bidang ini kerana pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai memperuntukkan serta sumbangan seperti menyediakan bengkel, mesin serta kursus kepada semua individu yang ingin melibatkan diri secara serius dalam bidang ini.

## **Motif Seni Ukiran Kayu Melayu**

Pada peringkat awal kedatangan seni ukiran kayu di Malaysia, ukiran kayu tradisional hanya mempunyai tiga motif atau tiga bentuk ukiran iaitu Motif Melayu Langkasuka atau dikenali sebagai kelopak dewa. Motif kedua adalah bunga Melayu lama atau nama lainnya kelopak maya serta motif ketiga adalah berdaun hidup orang Melayu ataupun kelopak hidup(Hussin, Baba, Hassan, Mohamed, 2012). Ketiga-tiga motif tersebut merupakan motif ukiran tradisional yang terawal dalam dunia seni ukir iaitu seni Ukiran Kayu Melayu yang mempunyai falsafah tersendiri, sesuai dengan era di mana mereka dahulu dicipta.

Tambahan pula, kefahaman mengenai falsafah dan motif dalam seni Ukiran Kayu Melayu juga memainkan peranan penting kerana ia dijadikan sebagai panduan penganalisaan hasil seni ukiran kayu Melayu sehingga kini. Malahan, seni ukiran kayu ini tidak sama dengan seni ukiran batu, tanah, perak, tembaga mahupun emas. Hal yang demikian kerana seni ukiran kayu ini mempunyai motif yang lebih kompleks, malah seni ukiran juga berbeza dengan seni pahatan. Aktiviti pengukiran memerlukan peralatan yang banyak supaya dapat merangkumi pelbagai jenis bentuk serta ukirannya. Menurut Affandi (1976) dalam bukunya ‘Sejarah Seni Rupa Indonesia’, seni Ukiran Kayu Melayu termasuk di bawah kategori seni pahat, tetapi tidak semua hasil pahatan termasuk dibawah seni ukiran kayu (Daud, Arbi, dan Faisal. 2012).

## **Jenis - jenis kayu**

Beralih pula pada jenis-jenis ukiran kayu yang telah dibahagikan kepada empat bahagian, di mana setiap ukiran mempunyai nilai dan makna tersendiri. Proses mengukir kayu bermula dengan penggunaan bahan dan alatan kraf, dibantu dengan kerja tangan dalam ukiran. Bukan itu sahaja, ukiran ini boleh dibahagikan kepada ukiran dua dimensi dan tiga dimensi. Antara contoh ketara ukiran dua dimensi yang paling dekat dengan kita adalah pada hiasan dinding, pintu dan anjung. Sementara itu, ukiran tiga dimensi pula hanya dapat dilihat pada peralatan rumah, patung dan perabot seperti congkak. Keunikan seni Ukiran Melayu dapat dilihat pada elemen asas yang dikenali sebagai ‘silat’ yang menjadi ungkapan untuk liuk-lentuk terhadap motif yang dihasilkan. Terdapat empat jenis ukiran ‘silat’ yang sering digunakan oleh pengukir. Antaranya adalah Ukiran timbul tanpa silat, Ukiran timbul bersilat, Ukiran tebuk tembus tanpa silat dan Ukiran tebuk tembus bersilat (Zuliskandar, Hamdzun, Hafizah dan Salina. 2014).

### 3.0 METODOLOGI

#### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Penyelidik menggunakan kaedah sejarah lisan dalam penyelidikan ini. Kaedah ini digunakan untuk mencungkil dan mengetahui liku perjalanan dalam mempelajari ilmu seni ukiran yang mungkin tidak pernah diceritakan kepada sesiapa. Kaedah ini melibatkan temubual dan rakaman video semasa proses temubual dijalankan. Tokoh yang dipilih kebiasaannya mampu menyumbang maklumat bersejarah berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka sendiri dalam seni warisan ini. Maklumat yang diperolehi akan disalin dan disemak sebelum direkodkan untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran mahupun penyelidikan.

#### 3.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan seperti berumur 45 tahun dan ke atas, mempunyai pengalaman dalam bidang seni warisan lebih dari 10 tahun dan lokasi tokoh yang dipilih berdekatan dengan penyelidik.

Tokoh telah dipilih berdasarkan hasil pencarian maklumat melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan laman sesawang Adiguru, di mana penyelidik dapat menghubungi tokoh sekaligus mendapat persetujuan bersama. Tokoh tersebut dipilih kerana telah menepati kriteria yang telah ditetapkan. Tokoh yang dipilih adalah Norhaiza Noordin, yang dilahirkan pada tahun 1963 dan berasal dari Kampung Raja, Besut, Terengganu. Beliau mula meminati kraf seni ukir kayu selepas menamatkan pengajian tingkatan 5. Bukan itu sahaja, minat beliau juga kian bercambah apabila persekitarannya dipenuhi dengan seni ukiran kayu yang tersergam indah pada peninggalan rumah bangsawan dan istana lama di Kampung Raja. Beliau mula bergiat aktif dalam seni ukiran kayu pada tahun 1983 dengan guru pertama beliau dalam seni ukir kayu iaitu Allahyarham Wan Su Othman dan anaknya, Wan Mustafa Wan Su atau lebih dikenali sebagai Wan Po. Encik Norhaiza mempunyai seorang isteri dan dua orang anak. Beliau mendapat pelantikan sebagai seorang Adiguru pada tahun 2011. Beliau masih aktif dalam bidang seni ukiran kayu dengan mengadakan bengkel kraf ukiran kayu di Desa Ukiran Kayu, Besut, Terengganu khusus buat golongan muda yang berminat untuk mempelajari seni ukiran kayu. Selain daripada itu, beliau telah diangkat sebagai Warisan Hidup oleh kerajaan Malaysia, atas hasil usaha beliau dalam mengekalkan dan menyemarakkan warisan seni ukiran Melayu di mata dunia.

### 3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

#### 3.3.1 Temubual Mendalam

Temubual dijalankan dalam dua peringkat, di mana peringkat pertama adalah temubual awal atau *Preliminary Interview*. Temubual ini bertujuan untuk memberi masa kepada tokoh dan penyelidik untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan mengurangkan kejanggalan keadaan. Pada masa yang sama, penyelidik melakukan temubual ringkas untuk mengesahkan sekali lagi data yang sedia ada daripada tokoh.

#### 3.3.2 Pemerhatian

Pemerhatian atau tinjauan dijalankan berdasarkan konteks kajian seperti lokasi, peralatan, bahan yang digunakan dan keadaan persekitaran yang mungkin membantu dalam penghasilan karya yang berinformasi. Di samping itu, tujuan pemerhatian ini adalah untuk mengumpul data bagi membantu dalam proses menghuraikan persoalan kajian.

#### 3.3.3 Rakaman Video/Audio

Dalam kajian ini, pengkaji telah merakam sesi temubual yang dijalankan secara atas talian. Kaedah rakaman video dan audio ini sudah menjadi kewajipan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian lisan. Rakaman bertujuan untuk membantu pengkaji meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam tentang kajian mereka, di samping menjadi sumber utama untuk penulisan transkrip bagi kajian sejarah lisan ini.

#### 3.3.4 Transkripsi teks

Semua data yang dicatat dan dirakam hasil dari temubual akan dikumpulkan dan disimpan untuk direkodkan.

### 3.4 CARTA GANTT PROJEK

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Aktiviti														
Mengetahui tema kajian														
Memulakan pencarian tokoh														
Perbincangan bersama pensyarah														
Penukaran tema kajian														
Menghubungi tokoh yang berpotensi														
Membuat draf proposal kajian														
Menyediakan surat penyelidikan dan surat perjanjian														
Membina dan menyenaraikan														

soalan untuk temubual														
Membuat <i>Preliminary Interview</i>														
Mempelajari format penulisan transkrip														
Mengadakan temubual bersama tokoh														
Memulakan proses transkripsi teks														
Membuat draf <i>article</i>														
Menyiapkan <i>article</i> dan transkrip														

#### 4.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat serta mengetahui dengan lebih lanjut mengenai keunikan seni Ukiran Melayu melalui sumber primer iaitu tokoh Adiguru Negara, Norhaiza Noordin yang telah berkecimpung dalam dunia ukiran kayu selama 37 tahun. Segala maklumat yang diperoleh amatlah berguna sekaligus menjadi pengetahuan am kepada para pengguna dan penyelidik sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

Ukir Kayu merupakan seni kemahiran turun-temurun yang masih bertapak dalam budaya masyarakat Malaysia. Seni kemahiran ini mestilah dipelajari agar warisan ini tidak ditelan arus pemodenan malah seharusnya menjadi kebanggaan Malaysia. Hal ini kerana pelbagai sumbangan dan usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan serta penggiat seni terutamanya para pengukir dalam memartabatkan seni warisan ukiran Melayu kepada masyarakat sejagat. Penubuhan agensi-agensi kerajaan dalam mempromosikan warisan seni ukiran ini mestilah dihargai agar lebih ramai lagi didedahkan dengan seni warisan ini sekaligus menjadi satu platform kepada generasi muda untuk mereka mendapatkan maklumat dan pengetahuan am yang lebih mendalam mengenai seni pengukiran kayu ini.

## RUJUKAN

A Mohamed Yusof, Y., Abd. Arif, H., & Abdullah, N. (2020). ABD. MUHAIMIN BIN HASBOLLAH : MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI. *Journal of Applied Arts*, 2(1), 129-140. doi:2710-7019

Applegreen, A. (2014, September 12). UKIRAN KAYU TRADISIONAL. Retrieved November 15, 2020, from <http://bicarasenivilual.blogspot.com/2014/09/ukiran-kayu-tradisional.html>

Desa ukiran kayu, D. (2014, December 15). TOKOH PENGUKIR BESUT – ADIGURU NORHAIZA BIN NOORDIN. Retrieved November 15, 2020, from <http://desaukirankayu.blogspot.com/2014/12/tokoh-pengukir-besut-adiguru-norhaiza.html>

Dese Ukiran Kayu. (July. 11. 2010). Jenis Pola Ukiran. Retrieved date: January. 1. 2021 Retrieved from: <http://desaukirankayu.blogspot.com/2010/07/jenis-pola-ukiran.html>

Ismail. L. (June. 12. 2017). Jenis Ketam Kayu. Bicara Menteri. Retrieved Date: January 1. 2021. Retrieved from: <http://bicaramentari.blogspot.com/2017/06/cdf.html>

Keumala Daud, N., Faisal, M., & Arbi, E. (dec 2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 11, 1-14.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2020) Adiguru. Retrieved on 17 January 2021 from <https://www.kraftangan.gov.my/maklumat-kraf/tokoh-kraf/adiguru>.

Taacob. M. T. (January. 6. 2019) Seni Ukiran Kayu Besut Tersohor. Sinar Harian. Retrieved on 17 January 2021 from [https://www.ukm.my/atma/wp-content/uploads/2019/01/190106%20SinarHarian\\_%20SeniUkirKayuBesutTerohor-compressed.pdf](https://www.ukm.my/atma/wp-content/uploads/2019/01/190106%20SinarHarian_%20SeniUkirKayuBesutTerohor-compressed.pdf)

## LAMPIRAN

### SURAT KEBENARAN

www.uitm.edu.my										
 <p>جامعة مارا UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA</p> <p>Fakulti Pengurusan Maklumat</p>										
Surat Kami : 600-FPM (5/2/1) Tarikh : 13 November 2020										
<p><b>Encik Norhaiza bin Noordin,</b> No.79 Jalan Jerteh, Kampung Raya, 22200 Besut, Terengganu Darul Iman.</p>										
<p>Tuan,</p>										
<p><b>MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK</b></p>										
<p>Perkara di atas adalah dirujuk.</p>										
<p>2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik 'Warisan dan Budaya Tradisional di Malaysia'.</p>										
<p>3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" (IMR 604).</p>										
<p>4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-</p>										
<table border="1" style="width: 100%;"><thead><tr><th style="text-align: center;">NAMA</th><th style="text-align: center;">NO. PELAJAR UiTM</th><th style="text-align: center;">NO. TEL</th></tr></thead><tbody><tr><td style="text-align: center;">Nur Farisha bt Yahya</td><td style="text-align: center;">2018276666</td><td style="text-align: center;">019-9159781</td></tr><tr><td style="text-align: center;">Amira Fazira bt Shaifuddin</td><td style="text-align: center;">2018285874</td><td style="text-align: center;">010-9215723</td></tr></tbody></table>		NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL	Nur Farisha bt Yahya	2018276666	019-9159781	Amira Fazira bt Shaifuddin	2018285874	010-9215723
NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL								
Nur Farisha bt Yahya	2018276666	019-9159781								
Amira Fazira bt Shaifuddin	2018285874	010-9215723								
<p>5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:</p>										
<p>a) Mengkaji latar belakang tokoh. b) Mengkaji sejarah mengenai kraf ukiran halus. c) Mengenal pasti kaedah dan cara penghasilan ukiran kayu.</p>										
<p>6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.</p>										
<p>Sekian.</p>										
<p>Yang benar,</p>										
<p><b>JAFALIZAN BIN MD JALI</b> Pensyarah Kanan b.p Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat</p>										
<p>Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana 40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/220/2148 Faks: (+603) 7962 2007 Web: <a href="http://fim.uitm.edu.my">fim.uitm.edu.my</a></p>										
 <p>ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156 UiTM di hatiku</p>										

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya, Norhaiza bin Noordin, K/P: ..... pada  
10 Dis 2020, dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/tuntutan dari mana-mana pihak.  
Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

ENCIK NORHAIZA BIN NOORDIN  
Tarikh: 10 Dis 2020.

JAFALIZAN BIN MD JALI  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

**SENARAI SOALAN TEMUBUAL:**

**ORIENTED QUESTIONS**

(SOALAN MENGENAI LATAR BELAKANG SERTA PENGALAMAN TOKOH DALAM BIDANG TERSEBUT)

1. Boleh ceritakan sedikit latar belakang encik?

- Nama gelaran
- Tarikh lahir
- Tempat lahir
- Pekerjaan
- Idola
- Hobi

2. Latar belakang pendidikan encik?

- Nama sekolah, tadika, rendah, menengah
- Lokasi
- Minat berputik di bangku sekolah?
- Cita-cita waktu sekolah
- Kawan-kawan yang terlibat sama dalam bidang seni ukir kayu

3. Latar belakang ibu bapa?

- Nama
- Pekerjaan
- Asal usul
- Kemahiran yang sama?
- Bilangan adik beradik

- Nama
  - Encik anak ke berapa?
4. Latar belakang keluarga encik sekarang?
- Nama isteri
  - Pendidikan isteri
  - Pekerjaan isteri
  - Bilangan anak
  - Anak yang mewarisi minat encik?
  - Mendapat sokongan keluarga dalam meneruskan bidang ini?

### COMMON QUESTIONS

(SOALAN MENGENAI PENDAPAT TOKOH DALAM BIDANG YANG DICEBURI)

#### **Common 1**

1. Sejak bila encik mula menceburi bidang seni ukir kayu ini?
2. Apakah saban yang mendorong encik untuk menceburi bidang ini?
3. Dari mana encik mendapat ilmu dan kemahiran tentang seni ukiran kayu ni?
4. Adakah kawan-kawan encik masih bersama encik bergiat aktif dalam bidang ini?
5. Bilakah encik mendapat gelaran Adiguru?
6. Apakah kriteria yang dicari untuk menjadi seorang adiguru?
7. Siapakah kenalan encik yang turut mendapat anugerah tersebut?
8. Dari segi pendapatan, adakah encik rasa berbaloi dengan hasil karya yang dihasilkan?
9. Bagaimana harga sesebuah karya itu ditentukan?
10. Apakah pandangan masyarakat terhadap seni ukiran kayu ini?
11. Apakah peranan seni ukir kayu ini dalam ekonomi social kita?

## Common 2

1. Apakah nilai falsafah yang dipegang dalam usaha memartabatkan seni pengukiran kayu ini di mata masyarakat?
2. Apakah nilai atau nasihat yang encik terapkan kepada peserta yang hadir ke bengkel encik?
3. Apakah perbezaan antara seni ukiran Melayu tradisi dan seni ukiran kayu kontemporari?
4. Siapakah tokoh pengukir kayu yang menjadi 'role model' kepada encik?
5. Sepanjang penglibatan encik dalam bidang ini, apakah pengiktirafan yang paling tidak dapat dilupai?
6. Adakah encik mempunyai hasrat untuk membuat penyelidikan baru mengenai ukiran kayu ini dalam masa terdekat?
7. Sebagai Yang Dipertua Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR), bagaimanakah encik memberikan sokongan kepada pengukir pengukir muda?
8. Apakah tujuan PENGUKIR ditubuhkan?
9. Apa matlamat yang encik ingin laksanakan sebagai YDP PENGUKIR?
10. Apakah perasaan ahli keluarga encik apabila encik berjaya menempa nama, di peringkat antarabangsa dalam bidang ini?
11. Boleh encik ceritakan dengan siapa encik belajar teknik ukiran kayu ini?
12. Berapa lama encik mengambil masa untuk menguasai sesuatu teknik dalam seni ukir kayu ini?
13. Adakah encik selalu meluangkan masa untuk berlatih menyempurnakan teknik ukiran encik?

### SPECIFIC QUESTIONS

(SOALAN TERPERINCI MENGENAI SKILL, TIPS DAN KADEAH YANG DIGUNAKAN DALAM BIDANG YANG DICEBURI)

1. Apakah alatan yang digunakan semasa proses pengukiran kayu ini dijalankan?
2. Bagaimanakah pemilihan kayu dibuat untuk digunakan dalam pengukiran kayu ini?
3. Bagaimanakah encik memastikan segala peralatan ukiran sentiasa berada dalam keadaan yang baik?
4. Bagaimanakah motif kayu dipilih?
5. Berapa jenis motif yang boleh digunakan dalam menghasilkan ukiran kayu dalam satu masa?
6. Apakah faktor faktor dalam pemilihan pola atau corak ukiran kayu tersebut?
7. Motif manakah yang menjadi pilihan para pengukir pada masa kini?
8. Apakah teknik teknik pengukiran kayu yang menjadikan hasil ukiran tersebut lebih kemas dan cantik?
9. Apakah perbezaan antara seni ukiran kayu dan seni ukiran halus?
10. Berdasarkan pengalaman encik dalam bidang seni ukir ini, apakah perbezaan yang encik boleh simpulkan antara seni ukir kayu generasi lama dengan generasi baru?
11. Apakah harapan encik kepada golongan belia supaya mereka terus berminat dan menceburkan diri dalam bidang pengukiran kayu ini?
12. Apakah harapan encik kepada golongan belia supaya mereka terus berminat dan menceburkan diri dalam bidang pengukiran kayu ini?
13. Apakah kelemahan yang biasa encik lihat pada hasil seni ukiran kayu pengukir pengukir baru?
14. Bagaimanakah cara untuk mengenal pasti seni ukiran kayu tersebut berkualiti?

15. Pada pandangan encik, adakah pengadaptasian unsur unsur moden dalam seni warisan ukiran kayu menjaskan keaslian tradisi warisan masyarakat?
16. Bagaimana encik menangani masalah sekiranya pelanggan encik tidak berpuas hati dengan hasil kerja encik?
17. Adakah seni ukiran di Malaysia akan mengalami perubahan nilai estetiknya pada masa akan datang?
18. Pada pandangan encik, kenapa bidang pengukiran ini tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat sejagat pada masa kini?
19. Apakah sumber inspirasi encik dalam menghasilkan seni ukiran kayu yang halus dan kemas?
20. Pada pendapat encik, apakah faktor yang menjadikan seni ukir kayu Malaysia setanding dengan seni ukiran negara lain?

## GAMBAR

## PENGIFTIRAFAN TOKOH



*Gambar 1 menunjukkan pengiktirafan tokoh daripada BPH – British Publishing House LTD sebagai “Successful Person in Malaysia”*



Gambar 2 menunjukkan sebahagian daripada karya penulisan Norhaiza Noordin dalam seni ukiran kayu

## SESI PRELIMINARY INTERVIEW



Gambar 3 menunjukkan sesi preliminary interview yang dijalankan selama 1 jam melalui aplikasi Google Meet

## SESI TEMUBUAL



Gambar 4 menunjukkan sesi temubual yang dijalankan pada 18 Disember 2020 melalui aplikasi Google Meet

**CD**

